

قَتِيقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei perlu mempunyai strategi pengambilan sumber manusia yang proaktif, yang boleh menarik minat para belia yang berkecenderungan dan celik teknologi."
- Titah Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-54 pada 31 Mei 2015.



قَلْبِي فِي مِلَّةِ Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيسْ اِيْمَان
MANISNYA IMAN

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Dan haji yang mabrur itu tiada balasan baginya selain syurga."

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.40

SUBUH
4.50

SYURUK
6.14

DUHA
6.38

ZUHUR
12.27

ASAR
3.52

MAGHRIB
6.37

ISYAK
7.52

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 82

10 JULAI 2019 / 1440 ذُو الْقَعْدَةِ 6

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Berangkat ziarahi jenazah Allahyarham YDM POKLRDSLJ Haji Awang Abdul Rahman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim di kediamannya di Kampung Mabohai. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim di kediamannya di Kampung Mabohai, di sini.

Berangkat sama, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Ke muka 3

SMS Brunei Prihatin kutip BND56,116

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Sejumlah BND56,116.00 berjaya dikutip hasil sumbangan orang ramai bagi 'SMS' Brunei Prihatin Bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) Tahun 2018 - 2019 yang berjalan selama 67 hari iaitu bermula dari 26 November 2018 hingga 31 Januari 2019.

Dua buah syarikat telekomunikasi, iaitu DST Communications Sendirian Berhad (DST)

dan Progresif Cellular Sdn. Bhd. telah memberi kemudahan perkhidmatan SMS kepada para penyumbang yang membuat sumbangan kepada DANA tanpa caj.

Manakala Jabatan Radio dan Televisyen Brunei (RTB) bertindak sebagai penyalur maklumat kepada orang ramai melalui rangkaian radio dan televisyen RTB.

Selain tayangan promo SMS di RTB, promo tersebut juga ditayangkan di pawagam, iaitu The

Mall Cineplex, Times Cineplex dan The Arena Cineplex.

Sehubungan itu, kesemua hasil sumbangan tersebut telah diserahkan kepada pihak DANA pada majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di ibu negara.

Sebahagian daripada jumlah tersebut, sebanyak BND45,223 dikutip melalui pelanggan DST dan disampaikan oleh Penolong Pengurus Am Perkhidmatan Korporat DST, Dayang Hajah Ramlah binti Haji Rabaha.

Ke muka 4

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



11 anak yatim terima
Anugerah Insentif

Muka 5



MAJLIS Makan Malam
rai delegasi Indonesia

Muka 6



BAKAL jemaah haji
MOFE diraikan

Muka 7



20 pelajar Darjah 6
diraikan

Muka 10

Buku Brunei Nephrology Clinical Practice Guidelines

Pastikan penjagaan pesakit buah pinggang konsisten

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat, izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir di majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Majlis Perasmian Buku Brunei Nephrology Clinical Practice Guidelines, Buku 8th Brunei Dialysis and Transplant Registry dan Penyampaian Sijil Tamat Kursus bagi 11 orang peserta Kohort Pertama Kursus Sijil Kejururawatan Renal.

Dunia pada masa ini, berhadapan dengan masalah beban penyakit buah pinggang yang semakin meningkat jumlahnya. Begitu juga dengan negara kita, Negara Brunei Darussalam, yang mengalami masalah beban peningkatan jumlah pesakit-pesakit buah pinggang dari setahun ke setahun. Statistik di negara ini menunjukkan bahawa seramai 778 orang pesakit menghidap penyakit buah pinggang tahap akhir ataupun End Stage Renal Disease dan menjalani rawatan penggantian renal (Renal Replacement Therapy) pada tahun 2017. Jumlah tersebut meningkat kepada 783 orang pesakit pada bulan Disember 2018.

Setakat ini, jumlah kematian bagi pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang juga meningkat daripada 151 orang pada tahun 2017 kepada 159 pada tahun 2018. Peningkatan jumlah kematian ini perlu diberi perhatian lebih agar *prevalent* dan insiden penyakit buah pinggang tahap akhir (End Stage Renal Disease) dapat dikurangkan. Semua ini insyaaAllah dapat dicapai dengan usaha daripada pelbagai pihak khususnya Kementerian Kesihatan dengan melibatkan semua pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang berkaitan termasuk kesihatan awam, endokrinologi, kardiologi, perubatan, perkhidmatan kesihatan komuniti dan perkhidmatan perubatan swasta.

Oleh yang demikian, saya telah difahamkan bahawa penerbitan Buku Brunei Nephrology Clinical Practice Guidelines yang akan dilancarkan pada pagi ini, telah diterbitkan untuk kegunaan pengamal-pengamal perubatan, khususnya doktor-doktor, jururawat-jururawat dan profesional perubatan yang lain dalam memastikan kualiti penjagaan kesihatan kepada pesakit-pesakit buah pinggang adalah konsisten, di mana sahaja mereka menerima rawatan serta selaras dengan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Majlis Perasmian Buku Brunei Nephrology Clinical Practice Guidelines dan Buku 8th Brunei Dialysis and Transplant Registry dan Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus Kohort Pertama Sijil Kejururawatan Renal pada Sabtu, 25 Syawal 1440 Hijrah bersamaan 29 Jun 2019 Masihi di Dewan Serbaguna, Pusat Dialisis Rimba.

piawai antarabangsa. Buku ini ialah edisi kedua sebagai pembaharuan dan pengemaskinian kepada edisi pertama yang telah dikeluarkan pada tahun 2012. Penyediaan Brunei Nephrology Clinical Practice Guidelines ini juga adalah termasuk di dalam lima Strategic Goals Kementerian Kesihatan untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Dalam memastikan perkongsian maklumat yang ada di dalam buku ini dapat diperolehi oleh semua pihak, buku ini akan diserahkan kepada semua ketua-ketua pegawai eksekutif hospital-hospital dan pusat-pusat perubatan kerajaan dan swasta di negara ini. Saya berharap agar buku ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin dan dijadikan sebagai bahan rujukan di dalam memberikan rawatan masalah buah pinggang kepada semua pesakit di negara ini.

Saya juga difahamkan bahawa satu buku yang bertajuk 8th Brunei Dialysis and Transplant Registry yang menunjukkan daftar data bagi tahun 2018 telah dihasilkan yang mana ia menunjukkan jumlah pesakit-pesakit yang menjalani rawatan penggantian renal atau Renal Replacement Therapy, iaitu hemodialisis, dialisis peritonil dan pemindahan buah pinggang. Objektif utama *registry* ini ialah untuk

menentukan beban penyakit yang berkaitan dengan penyakit buah pinggang tahap akhir, untuk menentukan faktor yang mempengaruhi hasil rawatan penggantian renal, untuk menilai program rawatan penggantian renal dan penanda aras terhadap amalan lain serta menggalakkan dan memudahkan penyelidikan mengenai rawatan penggantian renal dan penyakit buah pinggang tahap akhir.

Setiap tahun, data pesakit di pusat-pusat dan unit-unit di bawah Jabatan Perkhidmatan Renal dikumpul dan dianalisa. Bagi edisi kelapan ini ia telah menunjukkan dapatan yang menggalakkan dan meyakinkan. Beberapa penambahbaikan penting dan signifikan telah diperolehi terutama dalam kesempurnaan hemodialisis (*haemodialysis adequacy*), di mana penambahbaikan 6 peratus pesakit mencapai sasaran Urea Reduction Ratio (URR), penambahan 9 peratus kadar penggunaan Arterio-Vascular Fistula (AVF), pencapaian pengurusan anemia dan pengurusan phosphate bagi pesakit hemodialisis dan secara keseluruhan kadar mortaliti menurun daripada 19 peratus kepada 15 peratus.

Di Negara Brunei Darussalam, dalam rawatan penggantian renal, seramai 655 orang pesakit atau 83.7 peratus menerima rawatan hemodialisis, seramai 82 orang atau 10.5 peratus menerima rawatan dialisis peritonil dan seramai 46 orang atau 5.8 peratus menerima rawatan pemindahan buah pinggang. Perangkaan ini menunjukkan bahawa rawatan hemodialisis telah menjadi opsyen yang popular dalam kalangan pesakit yang memerlukan rawatan penggantian renal.

Namun begitu, trend rawatan dialisis peritonil semakin meningkat pada tahun 2018. Manakala rawatan pemindahan buah pinggang dalam kalangan pesakit juga semakin meningkat kerana ia dianggap sebagai rawatan penyakit buah pinggang kronik yang paling kos efektif dalam jangka masa yang panjang walaupun ia mempunyai kos yang tinggi. Setakat ini, sebanyak sembilan pemindahan buah pinggang telah berjaya dilakukan di Negara Brunei Darussalam sejak program ini dimulakan pada tahun 2013. Penerimaan pemindahan buah pinggang adalah sangat menggalakkan dalam kalangan rakyat dan penduduk negara Brunei Darussalam. Tambahan lagi, apa yang lebih membanggakan, pendermaan buah pinggang semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Ke muka 8

Dari Sidang
Pengarang.

10 JULAI 2019 BERSAMAAN 1440 ذوالقعدة 6

BERGANDING BAHU DEMI MENCAPAI LIPUTAN KESIHATAN SEJAGAT

AMALAN menjaga kebersihan adalah amat dituntut dalam norma kehidupan manusia, apatah lagi ia juga dituntut dalam agama Islam, baik dari segi kebersihan rohaniah mahupun jasmani.

Dengan jiwa nurani yang bersih, menjauhkan diri daripada perbuatan-perbuatan syirik dan menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala, menjauhkan diri daripada sifat kufur dan segala perkara yang membawa bahaya dan dosa, insyaaAllah akan menjauhkan diri kita daripada sifat-sifat mazmumah (sifat-sifat tercela) seperti hasad dengki, sombong, bangga diri, riak dan lain-lain.

Sementara itu, menjaga kebersihan jasmani boleh menghindarkan diri dari mendapat penyakit kerana kekotoran merupakan antara punca penyebab terjadinya penyakit. Oleh itu kita tidak boleh pandang ringan mengenai perkara kebersihan, seperti daripada Abu Malik Al-Ansari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Kebersihan itu sebahagian daripada iman".

Agama Islam sangat menitik beratkan kebersihan dalam mengerjakan amal ibadah kerana Allah Subhanahu Wata'ala menyukai hamba-Nya yang sentiasa mensucikan diri sebelum melakukan ibadah seperti sembahyang. Antara yang dimaksudkan ialah seseorang itu hendaklah memastikan diri, pakaian dan tempat sembahyangnya dalam keadaan bersih dan suci dan terhindar dari segala najis begitu juga dengan memegang Al-Quran, melakukan tawaf dan sebagainya hendaklah dengan berwuduk.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 222 : "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri".

Berkata mengenai kebersihan ini juga, baru-baru ini satu Majlis 'Ikrar Membersihkan Tangan' diadakan yang berlangsung di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) bersempena dengan Hari Kebersihan Tangan Sedunia 2019.

Antara yang ditekankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) agar semua termasuk para pesakit, ahli keluarga dan para pekerja kesihatan untuk sama-sama berganding bahu demi mencapai liputan kesihatan sejagat termasuk penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan selamat. WHO juga menyeru agar semua pekerja kesihatan sentiasa mengamalkan kebersihan tangan pada '5 Waktu Utama Pembersihan Tangan' dengan mengikut tatacara yang betul.

Justeru nampak di sini, kebersihan tidak mengira latar belakang, malahan semua peringkat masyarakat semestinya mengamalkan kebersihan termasuk membersihkan tangan dengan kerap. Ini adalah penting kerana tangan digunakan untuk hampir semua aktiviti setiap hari dan selalu kita lupa pelbagai jenis kuman boleh hinggap ke tangan kerana bakteria amat susah untuk dilihat. Justeru dengan kerap mencuci tangan, insyaaAllah akan mengurangkan risiko menghadapi penyakit lebih-lebih lagi risiko penyakit berjangkit.

Menjaga kebersihan adalah sangat penting dalam kehidupan, maka jadikanlah ia sebagai amalan atau budaya. Jadikan negara kita sebagai sebuah negara yang bersih dan selamat untuk semua. Dengan mempunyai negara yang bersih insyaaAllah, rakyat dan penduduk di negara ini terus menikmati kesihatan yang baik, negara yang aman dan harmoni.

- Ketua Penyuntingan (Ss).

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 24 °C	32 25 °C	31 25 °C
PEKAN BANGAR		
31 24 °C	32 25 °C	31 25 °C
PEKAN TUTONG		
31 24 °C	32 25 °C	31 25 °C
KUALA BELAIT		
31 25 °C	32 25 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JULAI	HARI	Hijrah ZULKAEDA	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
10	RABU	6	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
11	KHAMIS	7	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
12	JUMAAT	8	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
13	SABTU	9	4.41	4.51	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
14	AHAD	10	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.37	7.52
15	ISNIN	11	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
16	SELASA	12	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC 123 | **2380214**

Berangkat ziarahi jenazah Allahyarham YDM POKLRDSLJ Haji Awang Abdul Rahman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan menerima junjung ziarah.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Mohd. Sahrizal Haji Said

Dari muka 1

Sebelum dikebumikan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah yang diimamkan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Jenazah Allahyarham disemadikan di Tanah Perkuburan Rangas, di ibu negara. Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman dilahirkan pada 9 Januari 1943 di Kampung Ujung Bukit, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) dan kembali ke rahmatullah di BNH Hospital Bangkok, Thailand, pada 7 Julai 2019 ketika berusia 76 tahun.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Allahyarham kemudian melanjutkan pengajian di London School of Economic, London University

dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi) pada tahun 1970.

Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin seterusnya mengikuti Post Graduate Studies in Economic Development di Tokyo, Jepun pada tahun 1972; dan University of Manchester, United Kingdom pada tahun 1977.

Mula berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah DYMM sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat I dan pernah berkhidmat sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, Pegawai Pentadbir Kanan, Pengarah Lembaga Kemajuan juga Pengarah Perkhidmatan - Perkhidmatan Kewangan.

Di samping itu, Allahyarham pernah dilantik menjadi Pengarah Urusan Agensi Pelaburan (BIA).

Pada 27 Oktober 1986, Allahyarham dilantik menjadi Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan dan pada 31 Disember 1991 dilantik menjadi Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan.

Setelah bersara dengan kerajaan, Allahyarham dilantik menjadi Pengarah Urusan Bank Islam Brunei.

Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin juga pernah dilantik menjadi Ahli Majlis Ugama Islam pada tahun 1999 hingga 2002; dan Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat pada tahun 2003 hingga 2004.

Selain itu, Allahyarham pernah memegang jawatan Pengarah dan Pengerusi kepada badan-badan, antaranya Pengarah ganti dalam syarikat-syarikat berkenaan, termasuk Brunei Shell Petroleum Pte. (BSP); Brunei Liquefied Natural Gas (BLNG) Pte. Ltd.; Brunei Shell Marketing Co. Pte. Ltd.; dan Brunei Shell Tankers Pte. Ltd.; Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB); Pengerusi Perbadanan TAIB dan Insurans Islam TAIB; Pengerusi merangkap Pengarah Urusan IBB; Pengerusi Darussalam Holdings, TAIB; dan Pengerusi The Empire Hotel.

Atas titah perkenan Kebawah DYMM, Allahyarham disempirai gelaran Manteri 32, iaitu sebagai 'Yang Dimuliakan Pehin Orang

Kaya Lela Raja' pada 25 Mei 1996.

Selain itu, Allahyarham pernah dikurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan, iaitu Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (Dato Seri Laila Jasa - D.S.L.J.); Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga (S.L.J.); Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.); dan Pingat

Kerja Lama (P.K.L.).

Semasa hayatnya, Allahyarham bertanggungjawab memerhatikan hal ehwal sesuatu yang menambah dan mengukuhkan taat setia rakyat kepada Sultan juga membuat penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berhubung kait dengan perkara tersebut untuk disebarkan maklumat kepada Sultan.



KEBAWAH DYMM bersama DYTMM semasa berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Lela Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim.



ANTARA yang hadir menziarahi jenazah Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Lela Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim (atas), sementara gambar kiri, antara yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan.

Menerima mengadap Menteri di JPM Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Muzahid bin Yusof.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Muzahid bin Yusof.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM Malaysia telah menyempahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam satu Warkah Persilaan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, melalui mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

XVI (Ke-16) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, mempersilakan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam untuk berangkat bagi menghadiri Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI (Ke-16) yang akan berlangsung pada 30

Julai ini di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Menyertai Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Muzahid ke Majlis Mengadap tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM merangkap Pengerusi Majlis Rasmi Kerajaan, Yang Berbahagia Dato' Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad; Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Yang Berbahagia Tan Sri Syed Danial bin Syed Ahmad; Datuk Paduka Maharaja Lela, Istana Negara, Yang Berusaha Encik Azuan Affendy bin Zairakithnaini; Ketua Protokol, Kementerian Luar Negeri, Yang Berusaha Ambassador Wan Zaidi bin Wan Abdullah; Setiausaha Jawatankuasa Acara-acara

sempena Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI, Yang Berusaha Tuan Rozainor bin Ramli dan Kuasa Usaha Sementara di Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Yang Berusaha Puan Rafedah binti Abdul Aziz.

Juga hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerna Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

SMS Brunei Prihatin kutip BND56,116



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim semasa melancarkan khidmat kemudahan sumbangan atas talian bagi 'SMS' Brunei Prihatin Bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi semasa menerima sumbangan sebanyak BND20,000 daripada DST Communications Sendirian Berhad.

Dari muka 1

Manakala sebahagiannya pula iaitu sebanyak BND10,893 berjaya dikutip melalui pelanggan Progresif Cellular Sdn. Bhd. dan disampaikan oleh Ketua Pegawai Pentadbir Progresif Cellular Sdn.

Bhd., Dayang Nurul Haniah binti Jaafar.

Pada majlis tersebut, DANA juga menerima sumbangan daripada DST dan Progresif Cellular Sdn. Bhd. yang keseluruhannya berjumlah

sebanyak BND25,000 dengan sumbangan tahunan sebanyak BND20,000 daripada pihak DST, manakala Progresif Cellular Sdn. Bhd. menyampaikan sumbangan sebanyak BND5,000.

Kesemua sumbangan tersebut

diterima oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran



Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Majlis juga diselenggarakan dengan Pelancaran khidmat kemudahan sumbangan atas talian bagi DANA yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua.

Penyediaan khidmat kemudahan sumbangan atas talian bagi DANA telah disediakan oleh Syarikat ThreeG Media Sdn. Bhd. tanpa bayaran sebagai sumbangan syarikat tersebut kepada DANA dalam bentuk perkhidmatan profesional.

Dengan adanya khidmat tersebut, akan menambah kemudahan kepada orang ramai yang berhasrat untuk menghulurkan sumbangan mereka kepada DANA, di samping kemudahan-kemudahan yang sedia ada.

Turut hadir, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman; pegawai-pegawai kanan kerajaan; pegawai-pegawai kanan YSHHB; DST; Progresif Cellular Sdn. Bhd.; Syarikat ThreeG Media Sdn. Bhd. dan Baiduri Bank.

11 anak yatim terima Anugerah Insentif



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim semasa menyampaikan Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim 2019 (AIPC-DANA 2019) kepada salah seorang pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam tahun 2018. Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bergambar ramai bersama penerima.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Seramai 11 anak yatim yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam tahun 2018 telah terpilih menerima Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim 2019 (AIPC-DANA 2019) pada tahun ini.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Anugerah Insentif bagi para pelajar berkenaan telah berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Penyampaian Anugerah Insentif berkenaan ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Penerima AIPC-DANA 2019 bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level ialah Dayang Adriana Muzfirah binti Haji Roslan.

Beliau menerima sijil

penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak, dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND760.

Bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pula, penerimanya ialah Dayang Najma binti Haji Najdi, Dayang Aliyah Maisarah binti Abdullah, Dayang Shakila Diba Rakshanda binti Kaharuddin, Dayang Nawwal Najihah binti Mustapa dan Dayang Nur Ain Arisha binti Md. Armus.

Setiap seorang menerima sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak, dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND400.

Sementara itu, bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU), para penerima terdiri daripada Dayang Nurfatihah binti Abdullah Abdul Pathah, Dayangku Aleeya Maisarah binti Dazulkipli, Dayang Nur Sarah binti Abdullah Abdul Rahman, Awang Mohammad Amir Hamzah bin Haji Kalong dan Dayang Adlina Munirah binti Haji Roslan.

Mereka menerima sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak, dan juga wang simpanan sebanyak

BND500 yang dikreditkan terus ke Akaun DANA masing-masing di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei.

Terdahulu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman semasa berucap pada majlis tersebut menjelaskan, sejak DANA ditubuhkan kira-kira 21 tahun yang lalu, sokongan masyarakat di negara ini kepada DANA adalah sangat membanggakan.

Sumbangan dan derma yang dihulurkan tambahnya juga amat menggalakkan dan dengannya pihak Sekretariat DANA dapat mengukuhkan beberapa skim dan projek khusus untuk membantu kesejahteraan anak-anak Yatim yang berdaftar dengan DANA.

Menurutnya lagi, sehingga penghujung bulan Jun 2019, jumlah anak yatim yang berdaftar dengan DANA adalah seramai 3,631 orang.

Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA pada tahun ini adalah merupakan kali ke-12 diadakan yang bertujuan sebagai pendorong kepada anak-anak yatim untuk menghargai kepentingan pendidikan dan sebagai penyuntik semangat dan galakan kepada mereka untuk terus berusaha bagi kejayaan khususnya dalam bidang pelajaran.

Salah seorang penerima Anugerah Insentif, iaitu Awang Mohammad Amir Hamzah bin

Haji Kalong ketika ditemui pada majlis tersebut mengongsikan cara pembelajaran beliau iaitu dengan mengulang kaji pelajaran lebih awal sebelum peperiksaan, di samping memohon keberkatan doa daripada ibu bapa dan guru agar dapat menjawab soalan-soalan peperiksaan dengan tenang dan sempurna.

"Saya sangat gembira dan teruja kerana terpilih menerima Anugerah ini dan ia merupakan sebagai satu semangat untuk saya untuk terus membuat lebih baik di masa hadapan," ujarnya.

Perasaan yang sama juga diluahkan oleh Dayang Adriana Muzfirah binti Haji Roslan, yang

menuntut di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (Katok), di mana beliau sangat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak DANA atas sumbangan Anugerah tersebut.

Sebagai seorang pelajar jelasnya, kita perlulah sentiasa bersedia dan tidak mudah putus asa dalam menjalani pengajian di sekolah.

Beliau turut memberikan nasihat kepada pelajar-pelajar lain agar sentiasa mengulang kaji pelajaran lebih awal sebelum peperiksaan dan jika ada subjek yang kurang difahami hendaklah selalu bertanya kepada guru.



SALAH seorang penerima Anugerah Insentif, iaitu Awang Mohammad Amir Hamzah bin Haji Kalong ketika ditemu bual.



SALAH seorang penerima Anugerah Insentif, iaitu Dayang Adriana Muzfirah binti Haji Roslan ketika ditemu bual.

Rancang strategi MABIMS berpaksikan Maqasid Syariah

Oleh : Dk. Siti Redzaimi

Pg. Haji Ahmad

Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

GADONG, Selasa, 9 Julai. - Negara Brunei Darussalam diamanahkan selaku Negara Penghubung Tetap Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) selama dua tahun bermula pada tahun 2019 hingga 2020.

Keputusan dibuat semasa Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi MABIMS Kali Ke-18 yang diadakan di Bandar Seri Begawan pada tahun lalu.

Sebagai Negara Penghubung Tetap bagi MABIMS, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan bertanggungjawab menyelaraskan keputusan-keputusan dan apa jua perancangan yang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (tengah) selaku Pengerusi Mesyuarat semasa memberikan ucapan alu-aluan pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sekretariat MABIMS Tahun 2019 di Hotel Antarabangsa Rizqun.

diputuskan di Pertemuan MABIMS dan Mesyuarat SOM MABIMS yang lalu.

Bagi memulakan peranannya, Negara Brunei Darussalam mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sekretariat MABIMS Tahun 2019 selama dua

hari mulai hari ini.

Berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini, mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof selaku Ketua SOM Negara

Penghubung Tetap MABIMS 2019 - 2020.

Dalam ucapan alu-aluannya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, antara lain menyeru delegasi untuk membuat apa jua perancangan dalam kerangka Pelan Strategik MABIMS yang

akan ditangani bersama selama lima tahun akan datang dengan berpaksikan kepada prinsip Maqasid Syariah, iaitu menjaga Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta.

Ke muka 6

Majlis Makan Malam rai delegasi Indonesia



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar (tengah) ketika menghoskan Majlis Makan Malam bagi meraikan Setiausaha Agung Kementerian Kesihatan Republik Indonesia, Drg. Oscar Primadi dan berserta delegasi (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Makan Malam tersebut.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Rancang strategi MABIMS berpaksikan Maqasid Syariah

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Dari muka 5

Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz juga menyentuh mengenai betapa ekonomi memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan sesebuah negara, dan berharap delegasi akan mengambil kesempatan semasa dua hari ini untuk bersama-sama merangka inisiatif-inisiatif yang memberi impak kepada peningkatan taraf ekonomi umat Islam di negara anggota MABIMS.

"Saya berharap kita akan bersama-sama bercambah fikiran, mengongsikan pengalaman, mencari jalan ke hadapan bagi memperkasakan lagi MABIMS dalam mengukuhkan kesatuan dan meningkatkan kerjasama dalam membangun umat Islam di negara anggota MABIMS," tambahnya.

Antara yang hadir selaku delegasi negara anggota MABIMS, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Sekretaris Badan Penelitian dan Pengembangan juga Pendidikan

dan Pelatihan, Kementerian Agama Republik Indonesia, Prof. Dr. H. Moh. Isom, M.Ag; Timbalan Ketua Pengarah Dasar, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Hajah Hakimah binti Mohd. Yusoff; dan Timbalan Ketua Eksekutif, Majlis Ugama Islam Singapura, Mohd. Fahmi Aliman.

Mesyuarat diselenggarakan dengan dua program, iaitu Bengkel Penyediaan Pelan Strategik MABIMS bagi Tahun 2021 - 2025 yang dikendalikan oleh Unit Muraqib, KHEU; dan Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Penerbitan Tafsir Ilmi Negara Anggota MABIMS.

Dengan adanya Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sekretariat MABIMS itu dihasrat akan bersama-sama mencapai sasaran dan matlamatnya melalui percambahan fikiran, perkongsian pengalaman dan maklumat juga mencari jalan ke hadapan bagi memperkasakan MABIMS dalam mengukuhkan kesatuan dan meningkatkan kerjasama dalam membangun umat Islam di negara anggota MABIMS.



MESYUARAT Jawatankuasa Teknikal Sekretariat MABIMS Tahun 2019 yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Bagi meraikan Setiausaha Agung Kementerian Kesihatan Republik Indonesia, Drg. Oscar Primadi dan berserta delegasi yang menghadiri Mesyuarat Kerjasama Kesihatan (1st Joint Working Group - JWG) di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Indonesia, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar telah menghoskan Majlis Makan Malam buat delegasi tersebut di Restoran Tarindak D'Seni, di ibu negara.

Turut hadir pada Majlis Makan Malam tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko.

Juga hadir, Setiausaha Tetap

Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman.

Mesyuarat Kerjasama Kesihatan (1st Joint Working Group - JWG) di antara NBD dan Republik Indonesia diadakan selama dua hari bermula hari ini hingga 10 Julai 2019 dan dihadiri seramai 50 peserta yang terdiri daripada pegawai kanan dari kementerian kesihatan dari kedua negara.

Brunei, Indonesia meterai MoU kesihatan



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman (kiri) menandatangani perjanjian bagi pihak Kementerian Kesihatan.

GADONG, Selasa, 9 Julai. - Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kementerian Kesihatan Republik Indonesia petang tadi mengadakan Majlis Penandatanganan Perjanjian (MoU) dalam Bidang Kesihatan bagi mengukuhkan kerjasama yang erat di antara kedua buah negara.

Majlis penandatanganan berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Menandatangani bagi NBD ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman manakala dari Republik Indonesia diwakili oleh Setiausaha Agung, Kementerian Kesihatan, Drg. Oscar Primadi.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Kementerian Kesihatan buat pertama kali menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Kerjasama Kesihatan (1st Joint Working Group - JWG) di antara NBD dan Republik Indonesia.

Mesyuarat tersebut diadakan selama dua hari, bermula hari ini hingga 10 Julai 2019 yang dihadiri oleh 50 peserta terdiri daripada Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan dari kedua buah negara.

Plan Tindakan (PoA) mengenai kesihatan merupakan sebahagian daripada pelaksanaan MoU tentang

kerjasama kesihatan di antara NBD dan Republik Indonesia.

Dalam Plan Tindakan tersebut, ada beberapa pelaksanaan dalam MoU tersebut, iaitu tujuh agenda dalam bidang kerjasama, iaitu pertukaran maklumat mengenai kesihatan awam, mengenai ubat-ubatan tradisional, produk ubat-ubatan dan peraturan teknologi kesihatan, pertukaran maklumat mengenai ubat tradisional dan saling melengkapi dan program latihan untuk profesional kesihatan khusus dalam kepakaran.

Bakal jemaah haji MOFE diraikan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) juga jabatan-jabatan di dalamnya yang akan menunaikan fardu haji bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid

Tetap; Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian; pegawai juga kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas, bertajuk 'Menunaikan Haji Bukti Cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala', disampaikan oleh penceramah dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, antara lain mengongsikan bahawa para jemaah haji atau umrah adalah tetamu agung kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya, mengerjakan ibadah haji bukanlah perjalanan biasa seperti melancong, tetapi haji adalah perjalanan atau pelayaran kerohanian dan ketuhanan yang menuju kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis yang dikendalikan oleh Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi itu, merupakan aktiviti tahunan kementerian berkenaan bagi meraikan para pegawai dan kakitangan yang akan mengerjakan ibadah haji pada tahun ini, di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara para pegawai juga kakitangan MOFE juga jabatan-jabatan di dalamnya.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Seramai 21 pegawai juga kakitangan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) juga jabatan-jabatan di dalamnya yang akan menunaikan fardu haji diraikan pada Majlis Doa Selamat, bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive,

YANG Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang bakal jemaah haji.

Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada bakal-bakal jemaah haji, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Setiausaha-setiausaha



MENCAPAI AWET MUDA MELALUI PEMAKANAN SIHAT

TUBUH badan dan minda yang aktif akan memastikan awda nampak muda, sihat dan ceria. Ikuti TIP berikut :-

- ▶ Makanlah dengan sederhana.
- ▶ Berhati-hati dengan pengambilan garam.
- ▶ Kurangkan makanan berlemak.
- ▶ Makan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- ▶ Kalsium yang mencukupi.

LANGKAH BIJAK MENCAPAI AWET MUDA

- ▶ Tidur yang mencukupi iaitu 7 - 8 jam sehari.
- ▶ Kekalkan berat badan yang sesuai.
- ▶ Bergeraklah untuk kecerdasan minda dan kecergasan tubuh.
- ▶ Elakkan makanan sambilan yang bergoreng, berlemak dan terlalu manis.
- ▶ Amalkan sarapan pagi.
- ▶ Ikuti pemeriksaan kesihatan dan pergigian secara berterusan.

CONTOH SENAMAN :

- ▶ Berjalan dengan pantas.
- ▶ Mendaki bukit.
- ▶ Taichi dan yoga.

BERSENAM SEKURANG-KURANGNYA 30 MINIT, TIGA KALI SEMINGGU UNTUK:-

- ▶ Memperbaiki peredaran darah.
- ▶ Menambah tenaga.
- ▶ Menguatkan tulang.

Sumber : Kementerian Kesihatan. Maklumat lanjut sila hubungi 123

DSTA bakal ditubuhkan di Sarawak



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (belakang, tengah) dan Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg hadir menyaksikan Majlis Pertukaran Perjanjian Usahasama Joint Venture Agreement (JVA) antara DST International Sdn. Bhd. (DSTI) dan SACOFA Sdn. Bhd. di Kuching, Sarawak.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SARAWAK, Selasa, 9 Julai. - Majlis Pertukaran Perjanjian Usahasama Joint Venture Agreement (JVA) di antara DST International Sdn. Bhd. (DSTI) dan SACOFA Sdn. Bhd. telah berlangsung hari ini di Kuching, Sarawak.

Majlis tersebut telah disaksikan oleh Menteri Pengangkutan dan

Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof dan Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

Bagi mewakili DSTI dalam majlis Pertukaran JVA tersebut adalah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DST, Awang Radin Suffi Radin Basiuni, manakala daripada pihak SACOFA diwakili oleh Pengarah Urusan SACOFA, Mohamed Zaid Zaini.

Melalui JVA ini, ia akan membolehkan penubuhan sebuah syarikat telekomunikasi usaha sama Datastream SACOFA Telecommunications Alliance Sdn. Bhd. (DSTA) di Sarawak.

Dengan adanya syarikat usaha sama DSTA ini, akan menjadikan pasaran DST berkembang ke luar negara dan seterusnya mempersiapkan DST dengan pengalaman dan kecekapan dalam penyediaan perkhidmatan Fibre To The Home (FTTH) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Turut hadir ialah Konsul Agung NBD di Sarawak, Pengiran Hajah Krtini binti Pengiran Haji Mohd. Tahir serta pegawai-pegawai kanan dari

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, NBD.

Dalam kesempatan itu juga, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menghadiri Persidangan IDECS 2019 yang telah berlangsung pada 8 hingga 9 Julai 2019.

Persidangan selama dua hari tersebut adalah merupakan salah satu platform bagi membincangkan inisiatif serta program berkaitan dengan ekonomi digital dengan pelbagai pihak yang berkepentingan.

Antara isi kandungan persidangan tersebut adalah seperti Digital Government; Data Centric Government; Manufacturing Industry 4.0; Smart Cities; Tourism; Digital Heritage; Agriculture Smart Farming dan E-Commerce serta Service Ecosystem yang disampaikan oleh pakar-pakar antarabangsa.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga telah membuat perjumpaan muhibah dengan Ketua Menteri Sarawak.

Turut hadir pada perjumpaan tersebut adalah Konsul Agung NBD ke Sarawak.



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib dan Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari semasa membuat lawatan ke pameran AIDECS 2019 Sarawak.

HALUAN

Dari muka 2

Pada hari ini juga, saya telah difahamkan bahawa kita akan meraikan kejayaan 11 orang peserta Kohort Pertama Kursus Sijil Kejururawatan Renal. Saya dengan hati yang jujur serta ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya menamatkan kursus ini. Mudah-mudahan apa yang telah dipelajari di dalam kursus ini akan dapat dimanfaatkan dan semoga semua peserta akan terus bergiat maju demi memperkembangkan dan

memperluaskan lagi pengetahuan dan kemahiran dengan menggembeng usaha dan tenaga bagi mempertingkatkan kecemerlangan dalam memberikan rawatan yang berkualiti tinggi kepada pesakit.

Kursus yang dikelolakan bersama di antara Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan dan Jabatan Perkhidmatan Renal ini telah menentang tenaga pengajar yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan sendiri. Kursus ini telah mengajarkan para pesertanya program latihan kejururawatan renal yang berstruktur selama enam bulan bermula pada

5 November 2018 dan tamat pada 22 Mei 2019 yang lalu. Saya berharap kursus ini akan berjalan secara berterusan sehingga akan dapat meliputi semua jururawat Jabatan Perkhidmatan Renal dan jururawat di perkhidmatan hospital yang berkaitan.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas pencapaian dan komitmen khususnya pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Renal dalam sama-sama meningkatkan kualiti perkhidmatan rawatan dan keselamatan pesakit khususnya pesakit masalah buah pinggang. Semoga segala usaha dan sumbangan

yang murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Dengan melafazkan kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya merasmikan Buku Brunei Nephrology Clinical Practice Guidelines dan 8th Brunei Dialysis and Transplant Registry.

Sekian.
Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

Tiga peserta Projek Prihatin I terima bantuan mesin

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan (BKP), Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), mengadakan Majlis Projek Prihatin I berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Osman @ Othman; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Pengurusan Strategi dan Dasar), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Pentadbiran,

Kewangan dan Estet), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukan), Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Tahir; Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II selaku wakil Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung RPN Kampung Panchor Mengkubau.

Projek Prihatin I merupakan projek percubaan (projek pilot) Biro Kemasyarakatan dan

Perhubungan (BKP), MPK RPN Panchor Mengkubau bagi membantu keluarga memerlukan yang mempunyai tanggungan yang ramai dan tidak mencukupi, tetapi mempunyai kemahuan yang tinggi untuk berusaha dan mencari pendapatan sendiri.

Selain itu, antara inisiatif projek ini ialah membantu peserta yang telah terpilih untuk diberikan alat mesin rumput bagi mereka menjalankan usaha khidmat memotong rumput untuk menambah pendapatan keluarga mereka.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ucapan alu-aluan dari Penyelaras Projek Prihatin I iaitu Dayang Fatimah binti Haji Jamil, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara diteruskan dengan penyerahan bantuan mesin rumput kepada tiga peserta Projek Prihatin I, iaitu Mohammad Fakhrul Zul



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berucap pada majlis tersebut.

Azmi bin Haji Yusof berusia 29 tahun dari RPN Kampung Mengkubau; Nazri Azimi bin Asnan, 28 tahun dari RPN Meragang dan Mohammad Khairul Azdi bin Haji Mohammad Tamit, 31 tahun dari Wasai Limuru, RPN Tanah Jambu.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bersama para jemputan serta tiga peserta Projek Prihatin I sejurus majlis perasmian di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

PPDB kukuhkan kemuafakatan bersama Ahli PK



PERBINCANGAN berfokus kepada perkongsian maklumat mengenai statistik jenayah juga perancangan aktiviti Pengawasan Kejiranan yang akan datang.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Beberapa program Pengawasan Kejiranan (PK) memainkan peranan dalam pencegahan jenayah bagi sama-sama menjalin dan mengekalkan persefahaman dan perhubungan erat di antara Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan masyarakat awam.

Koperal 4604 Hasnan bin Ali selaku Focal Point PK Balai Polis Pusat BSB mengadakan pendekatan ke rumah mantan Ketua Kampung Sungai Matan, Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Zainal.

Hadir sama bagi mendukung program, Pemangku Ketua

Kampung Sungai Matan, Awang Zulkhari bin Haji Junaidi dan empat orang Ahli PK Kampung Sungai Matan.

Perbincangan berfokus kepada perkongsian maklumat mengenai statistik jenayah juga perancangan aktiviti PK yang akan datang di kampung berkenaan.

Dalam pada itu, rondaan turut dijalankan bagi meneliti tempat-tempat yang sering dijadikan tumpuan perkumpulan dan melepak pada waktu malam, di persekitaran kawasan stesen elektrik dan sepanjang Jambatan Kampung Sungai Matan.

Rondaan pencegahan jenayah

daripada Ahli PK Kampung Pandan 'C' bersama Focal Point Balai Polis Kuala Belait giat dijalankan di beberapa tempat, terutama di kawasan lagun, kawasan Perumahan Teres Pandan, Kawasan Flat Kerajaan Pandan dan sekitar kawasan Kampung Pandan 'C'.

Seramai lima orang Ahli PK, diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Pandan, Awang Haji Affendy bin Haji Awang Damit hadir bersama bagi menyokong program itu.

Sepanjang rondaan yang diketuai oleh Koperal 2721 Shamsudin bin Haji Naim itu berakhir dengan tidak ada menemukan sebarang kegiatan jenayah atau perkara yang mencurigakan berlaku.

Pemilik senjata api tanpa lesen ditahan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

LAMUNIN, Isnin, 8 Julai. - Balai Polis Lamunin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan siasatan ke atas seorang suspek lelaki yang dipercayai memiliki senjata api buatan sendiri.

Perkara itu terbongkar semasa pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) membuat serbuan ke sebuah rumah kediaman di kawasan No. 5, Simpang 11, Kampung Birau, Tutong dan menemukan satu senjata api dipercayai buatan sendiri tersimpan di kawasan dapur rumah suspek.

Suspek kemudian ditahan dan dibawa oleh pihak BKN untuk siasatan awal pihak berkenaan, kemudiannya diserahkan kepada pihak polis bagi siasatan lanjut.

Suspek merupakan seorang warganegara tempatan, Izlin bin Haji Ismail, berumur 44 tahun dan tidak bekerja.

Berikutan dengan penemuan itu, suspek akan dihadapkan ke mahkamah bagi berdepan dengan kesalahan Memiliki Senjata Api Tanpa Lesen di bawah Seksyen 17 (1) Akta Senjata Api dan Bahan Letupan Penggal 58.

Jika sabit kesalahan, tertuduh akan dihukum penjara dalam suatu tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak



SUSPEK merupakan seorang warganegara tempatan, Izlin bin Haji Ismail, berumur 44 tahun dan tidak bekerja.

melebihi daripada 15 tahun, juga tidak kurang daripada tiga sebatan dan tidak lebih daripada 12 sebatan.

Pihak PPDB menyeru kepada orang ramai supaya tidak memiliki, menyimpan atau membuat sebarang senjata api mahupun peluru, yang mana ia merupakan kesalahan berat di bawah Undang-undang Negara Brunei Darussalam.



ANTARA bahan bukti yang dirampas.

20 pelajar Darjah 6 diraikan

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Seramai 20 pelajar Darjah 6 Sekolah Agama Pengiran Bendahara Lama diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran setelah berjaya menamatkan pembacaan 30 juzuk Al-Quran.

Penyampaian sijil-sijil disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Agama Pengiran Bendahara Lama itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Yang

Berhormat Ahli MMN, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuhaa hingga Surah Al-Lahab beramai-ramai oleh peserta khatam.

Majlis turut diserikan dengan Bacaan Takhtim oleh pelajar-pelajar perempuan Darjah 3, 4, dan 5 sekolah berkenaan, manakala Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh salah seorang peserta khatam, Awang Nudin Fitri bin Abdullah.

Acara disusuli dengan penyampaian sijil khatam, menabur bunga rampai dan merenjis minyak wangi oleh Yang Berhormat Ahli MMN, Guru-guru

dan ibu bapa dengan iringan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh pelajar-pelajar Darjah 3, 4 dan 5 sekolah berkenaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh pelajar Darjah 4, Awang Md. Firdaus bin Abdul Majid.

Majlis merupakan acara tahunan yang dihasrat untuk memupuk semangat pelajar-pelajar agar sentiasa mencintai dan menghayati Al-Quran serta ajaran agama Islam.

Selain itu, ia juga diharap akan dapat melatih pelajar-pelajar agar lebih berusaha mendapatkan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua urusan serta pekerjaan.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad (kanan) menyempurnakan penyampaian sijil kepada pelajar Darjah 6 Sekolah Agama Pengiran Bendahara Lama yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sekolah tersebut.



PELAJAR-pelajar Darjah 6 Sekolah Agama Pengiran Bendahara Lama diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran setelah berjaya menamatkan pembacaan 30 juzuk Al-Quran.

Contohi kepemimpinan Rasulullah

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسه دعوه اسلاميه

PADA prinsipnya setiap manusia adalah pemimpin. Pemimpin yang berjaya adalah seseorang yang mengetahui dirinya sendiri, keluarga, organisasi atau pertubuhan, meneraju membuat perubahan ke arah mencapai matlamat yang ditentukan. Tanggungjawab ini bukan mudah kerana banyak cabaran dan ujian yang akan dihadapi.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah pemimpin yang memenuhi fitrah manusia sejagat melalui sifat-sifat mulia seperti amanah, siddiq, tabligh dan fatanah. Menurut sirah, sebelum daripada kerasulannya pemimpin Quraish pernah memberi gelaran 'al-Amin' kerana keunggulan Baginda dalam memberi perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat. Gelaran 'al-Amin' ini telah membangkitkan rasa kasih sayang berterusan sebahagian besar masyarakat Quraish kepada Baginda.

Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi oleh Baginda juga cukup hebat. Sebagai contoh Abu Jahal seorang pemimpin kanan Quraish, pernah

menawarkan jawatan raja, perempuan cantik, dan harta kekayaan, supaya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak meneruskan perjuangan Islam. Namun, berdasarkan keunggulan dan maruah kepimpinan Islam, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menolak semua tawaran itu.

Selain Abu Jahal, Al-Quran juga menyebut beberapa watak kepimpinan yang tidak bermaruah sehingga merosakkan negara, memecah belahkan masyarakat dan kesengsaraan kepada keluarga, yang akhirnya semasa di dunia lagi telah menerima balasan azab terhadap kekejaman yang dilakukannya antaranya ialah Firaun, Haman dan Qarun.

Firaun adalah pemerintah yang menghukum musuhnya sesuka hati dan mendakwa dirinya tuhan kerana meyakini tidak ada kuasa lain boleh menggugat pemerintahannya.

Haman pula seorang yang sentiasa berlegar mengelilingi Firaun menjalankan tugas untuk memperkukuhkan kekuasaan

Firaun.

Manakala Qarun pula seorang tokoh korporat yang kaya raya mengambil peluang daripada pemerintah. Beliau membantu pemerintah dengan kewangannya dengan harapan akan mengaut habuan lebih besar tanpa mepedulikan penderitaan orang lain.

Kesemua watak pemimpin ini yang dirakamkan di dalam Al-Quran memperlihatkan golongan yang tamak kuasa, mengejar jawatan, mengaut keuntungan dan kemewahan dunia di atas penderitaan orang lain, yang akhirnya mereka ini dimusnahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dengan menjadi sehinah-hina manusia.

Kepimpinan yang amanah dan bertanggungjawab dalam masyarakat mencerminkan suasana kepimpinan yang cemerlang. Ini ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 124 yang tafsirnya :

"Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim

"JELAS, kepimpinan bukan hanya sekadar perjanjian di antara pemimpin dengan masyarakat, tetapi ia juga merupakan ikatan perjanjian di antara pemimpin dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai seorang pemimpin hendaklah mementingkan keadilan dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab."

diuji oleh Tuhannya dengan kalimah-kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim telah menyempurnakannya. Setelah itu, Allah berfirman : "Sesungguhnya Aku melantikmu sebagai imam (pemimpin) bagi umat manusia." Nabi Ibrahim berkata : "Jadikanlah juga daripada keturunanku (sebagai pemimpin-pemimpin)." Allah berfirman lagi : "(Permohonanmu itu Aku terima tetapi) janjiku (untuk menjadikan keturunanmu sebagai pemimpin) tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim."

Jelas, kepimpinan bukan hanya sekadar perjanjian di antara pemimpin dengan masyarakat, tetapi ia juga merupakan ikatan perjanjian di antara pemimpin dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai seorang pemimpin hendaklah mementingkan keadilan dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab.

Ketinggian akhlak dan keunggulan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terus dikagumi umat Islam walaupun baginda telah lama wafat. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak senang hati dalam kalangan golongan tertentu sehingga sanggup menyebarkan fitnah dan mengaibkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan umat Islam.

Sebagai umat Islam hendaklah menginsafi diri dengan mempertingkatkan kualiti jati diri dan keunggulan yang telah dicontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat.

Adik-beradik tidur bersama : Adakah bertentangan dengan syarak?

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMBIARKAN atau mengaturkan anak-anak tidur bersama adik-beradik ketika anak-anak masih kecil adalah bertujuan bagi memudahkan para ibu bapa memantau anak-anak mereka kerana mereka berhimpun dalam satu tempat atau satu bilik. Keadaan ini juga lebih praktikal dan lebih selamat, khususnya bagi kanak-kanak yang masih kecil.

Bagaimanapun, apabila mereka meningkat remaja dan mengetahui tentang perkara aurat, pastinya meninggalkan mereka tidur dalam keadaan sedemikian adalah satu perkara yang tidak elok apatah lagi sekiranya mereka berkongsi tempat tidur bersama adik-beradik sesama lelaki dan perempuan.

Atas sebab itu, syarak menegaskan bahawa tempat tidur kanak-kanak hendaklah dipisahkan setelah mereka berusia sepuluh tahun. Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amr Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Perintahkanlah anak-anak kamu mengerjakan sembahyang sewaktu mereka itu berumur 7 tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkannya sewaktu mereka itu berumur 10 tahun dan pisahkanlah di antara mereka pada tempat tidur mereka."

(Hadis riwayat Abu Daud dan Ahmad)
Apakah yang dimaksudkan dengan perintah memisahkan tempat tidur dalam hadis berkenaan dan adakah perintah ini berbentuk mutlak atau tertakluk kepada keadaan tertentu? Apa pula hikmah disyariatkan perintah tersebut?

Hukum Dan Kaifiat Memisahkan Tempat Tidur Kanak-Kanak

Berdasarkan hadis riwayat Abdullah bin 'Amr Radiallahuanhuma di atas, para ulama mengistimbatkan bahawa para ibu bapa, wali atau penjaga wajib memisahkan tempat tidur anak-anak atau kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Ini tidak terkecuali sama ada sesama kanak-kanak lelaki atau sesama kanak-kanak perempuan, atau di antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak

"JIKA mereka tidur dalam keadaan menutup aurat, maka boleh kanak-kanak lelaki tidur bersama adik lelaki atau abangnya dan boleh seorang kanak-kanak perempuan tidur bersama dengan kakak atau adik perempuannya di atas satu tilam. Walaupun diharuskan, disyaratkan juga supaya terdapat lapik atau penghadang yang menahan daripada bersentuhan tubuh keduanya umpamanya dengan memakai satu selimut yang berlainan bagi setiap seorang. Pensyaran memakai selimut yang berlainan ini ada disebutkan."

perempuan. Perkara ini diperintahkan sebaik sahaja mereka mencapai usia 10 tahun.

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitab Raudhah ath-Thalibin, kewajiban ini berbentuk mutlak ke atas mana-mana kanak-kanak yang sudah mencapai usia 10 tahun. Maka menurut beliau, wajib dipisahkan tempat tidur di antara kanak-kanak lelaki atau kanak-kanak perempuan dengan semua adik-beradik mereka serta ibu bapa mereka. Pendapat ini juga dicenderungi oleh Imam as-Subki, Imam Taqiuddin Abu Bakar al-Hisni dan Imam al-Malibari Rahimahumullah.

Menurut Imam as-Subki Rahimahullah, perintah memisahkan tempat tidur ini boleh dilaksanakan dengan dua cara, iaitu :

(i) Hendaklah masing-masing mempunyai tilam sendiri.

(ii) Berkongsi satu tilam, akan tetapi berjauhan di antara satu sama yang lain. Umpamanya setiap mereka berada di sudut tilam yang berlainan.

Oleh itu, menurut Imam as-Subki Rahimahullah, jika tidak dapat melaksanakan cara yang pertama, memadai mengikut pendapat yang kedua, iaitu tidak berbaring terlalu dekat dengan yang lain di atas satu tilam. Ini bagi mengelakkan daripada terkena atau tersentuh di antara tubuh badan mereka.

Para ulama Mazhab asy-Syafii meletakkan satu sukat-sukat penting dalam perkara ini iaitu menutup aurat. Sukat-sukat inilah yang menentukan bagaimana pemisahan tempat tidur itu perlu dilakukan.

(1) Tidur Dalam Keadaan

"HARAM hukumnya sesiapa sahaja yang sudah mencapai usia 10 tahun, sama ada lelaki atau perempuan, untuk tidur bersama dengan seorang yang lain di atas satu tilam dalam keadaan tidak menutup aurat, melainkan jika mereka itu adalah pasangan suami isteri. Ini tidak kira sama ada mereka itu sesama lelaki atau sesama perempuan atau sesama adik-beradik satu jenis sekalipun. Bahkan diharamkan juga untuk tidur bersama ibu bapanya atau salah seorang daripada ibu bapanya dalam keadaan sedemikian."

Menutup Aurat

Jika mereka tidur dalam keadaan menutup aurat, maka boleh kanak-kanak lelaki tidur bersama adik lelaki atau abangnya dan boleh seorang kanak-kanak perempuan tidur bersama dengan kakak atau adik perempuannya di atas satu tilam. Walaupun diharuskan, disyaratkan juga supaya terdapat lapik atau penghadang yang menahan daripada bersentuhan tubuh keduanya umpamanya dengan memakai satu selimut yang berlainan bagi setiap seorang. Pensyaran memakai selimut yang berlainan ini ada disebutkan oleh Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani Rahimahullah dalam Kitab Fath al-Bari.

Imam Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah juga meletakkan syarat bahawa hendaklah terdapat jarak di antara mereka itu supaya tidak berlaku sentuhan tubuh di antara satu dengan yang lain. Ini bertepatan dengan sukat-sukat yang ditetapkan oleh Imam as-Subki Rahimahullah yang telah disebutkan sebelum ini, di mana beliau mensyaratkan supaya sekurang-kurangnya mereka tidur berjauhan walaupun berkongsi tilam. Dengan melakukan perkara ini, maka tertunailah tuntutan memisahkan tempat tidur sebagaimana yang dikehendaki syarak itu.

Keharusan yang diberikan terhadap orang yang menutup aurat untuk tidur bersama dalam satu tilam dengan syarat-syarat di atas adalah khusus dalam keadaan, di mana perbuatan tersebut tidak mendatangkan fitnah. Sekiranya tidur dalam keadaan sedemikian boleh mengundang atau mendatangkan fitnah, maka keharusan itu dengan sendirinya menjadi haram walaupun mereka memenuhi semua syarat dan tuntutannya.

(2) Tidur Dalam Keadaan Tidak Menutup Aurat

Adapun jika mereka tidur dalam keadaan tidak menutup aurat pula, maka tidak boleh mereka tidur bersama di atas satu tilam walaupun mereka tidur berjauhan serta tidak bersentuhan di antara satu dengan yang lain seperti keduanya berada di atas satu tilam pada hujung atau sudut yang berlainan.

Oleh itu, haram hukumnya sesiapa sahaja yang sudah mencapai usia 10 tahun, sama ada lelaki atau perempuan, untuk tidur bersama dengan seorang yang lain di atas satu tilam dalam keadaan tidak menutup aurat, melainkan jika mereka itu adalah pasangan suami isteri. Ini tidak kira sama ada mereka itu sesama lelaki atau sesama perempuan atau sesama adik-beradik satu jenis sekalipun. Bahkan diharamkan juga untuk tidur bersama ibu bapanya atau salah seorang daripada ibu bapanya dalam keadaan sedemikian.

Walaupun larangan yang disebutkan

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

di atas adalah larangan berkongsi tilam yang sama dalam keadaan salah satu atau kedua-duanya tidak menutup aurat, akan tetapi dari sudut memelihara akhlak, adab dan menjaga maruah, mereka juga tidak boleh tidur bersama dalam satu bilik kerana dikhuatiri boleh ternampak aurat dan sebagainya. Ini boleh membuka pintu maksiat walaupun mereka itu adalah adik-beradik. Ini tidak berbeza halnya sama ada mereka itu adik-beradik sesama jenis apatah lagi di antara adik-beradik lelaki dan perempuan.

Perkara ini bertepatan dengan apa yang disebutkan oleh Imam asy-Syibramalissi Rahimahullah bahawa salah satu sebab larangan ini adalah kerana dikhuatiri boleh ternampak atau tersentuh aurat masing-masing. Jika mereka berkongsi satu bilik ketika tidur tanpa menutup aurat, pastinya sangat sukar untuk mengelakkan daripada terlihat aurat masing-masing walaupun mereka tidak berkongsi tilam yang sama. Ini kerana orang yang sedang tidur biasanya tidak dapat mengawal dan tidak menyedari akan pergerakan tubuh badannya. Maka boleh saja terjadi pergerakannya ketika tidur itu, menyingkap atau membuka auratnya sendiri walaupun dia menutup tubuhnya dengan selimut.

Oleh itu, bagi mengelakkan daripada berlakunya perkara negatif seperti sumbang mahram dan pendedahan aurat secara tidak senhaja, maka bagi yang berkemampuan dan memiliki kemudahan, adalah lebih baik dalam keadaan tersebut supaya dipisahkan juga bilik tempat tidur mereka. Jika tidak, maka hendaklah ibu bapa atau wali memerintahkan supaya kanak-kanak tidur dalam keadaan menutup aurat sebagaimana yang disebutkan sebelum ini.

(3) Adik Beradik Berlainan Jantina

Bagi adik-beradik yang berlainan jantina pula, hendaklah dipisahkan tempat tidur mereka sama ada dalam keadaan menutup aurat atau tidak. Walaupun perintah ini dituntut setelah kanak-kanak berusia 10 tahun, akan tetapi sebagai irsyad adalah lebih wajar jika ia dilaksanakan seawal mungkin dengan cara memisahkan di antara bilik kanak-kanak lelaki dengan bilik kanak-kanak perempuan. Ini bertujuan bagi mendidik kanak-kanak tentang maruah dan etika pergaulan pada usia yang lebih awal dan menutup segala pintu fitnah dan maksiat.

JIPK raikan Penubuhan Ke-61



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud dan pegawai-pegawai juga kakitangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Doa Kesyukuran dan Bacaan Ratib Al-Attas bersempena Penubuhan JIPK Ke-61 Tahun (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

MENTIRI, Isnin, 8 Julai. - Seramai 100 orang dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menyertai Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Doa Kesyukuran dan Bacaan Ratib

Al-Attas bersempena Penubuhan JIPK Ke-61 Tahun, bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah, Mentiri, di sini.

Hadir, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN, Awang Mohd. Amir Hairil bin

Haji Mahmud.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Abdul Salam bin Haji Salim yang kemudiannya mengetuai bacaan Doa Kesyukuran dan bacaan Ratib Al-Attas.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua

Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan daripada KHEDN juga jabatan-jabatan di bawahnya dan pegawai-pegawai juga kakitangan daripada JIPK.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dan perpaduan dalam kalangan pegawai juga kakitangan JIPK, selain meningkatkan pengetahuan dan kefahaman orang ramai terhadap perkhidmatan - perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan itu.

Sejak Penubuhan JIPK pada tahun 1958, jabatan itu sentiasa komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai dengan lebih teratur, mudah

dan efisien dan seterusnya memastikan keselamatan negara sentiasa terjamin.

JIPK sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan kepada orang ramai, dengan visinya, iaitu 'Ke Arah Perkhidmatan yang Dinamik dan Credible', dan misi 'Memberikan Perkhidmatan yang Berkualiti kepada Orang Ramai serta Memastikan Wargakerja Jabatan adalah Sentiasa Komited dalam Menjalankan Tanggungjawab Mengutamakan Undang-Undang dan Peraturan-peraturan yang Berkaitan dengan Hal Ehwal Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan'.

Pelajar didedahkan kesedaran Talasemia



PENGETUA Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili (kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Taklimat Program Kesedaran Talasemia Kali Ke-3 sempena Sambutan Hari Talasemia Sedunia 2019.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

SENGKURONG, Isnin, 8 Julai. - Kira-kira 261 pelajar Tingkatan Enam Bawah, Pusat Tingkatan

Enam (PTE) Sengkurong mengikuti Program Kesedaran Talasemia Kali Ke-3 sempena



PENUNTUT-PENUNTUT Pusat Tingkatan Enam Sengkurong ketika menghadiri Taklimat Kesihatan mengenai Talasemia sempena Hari Talasemia Sedunia 2019.

Sambutan Hari Talasemia Sedunia 2019 (World Thalassaemia Day 2019).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di pusat berkenaan, Pengetua PTE Sengkurong, Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili.

Program diisi dengan taklimat mengenai Talasemia, disampaikan oleh Pegawai Jururawat, Dayang Norain binti Awang Ali, antara lain menyentuh tentang bagaimana meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar tentang penyakit Talasemia.

Sejurus taklimat, program diteruskan dengan sesi soal jawab, kuiz dan mengisi kaji selidik.

Program itu dikendalikan oleh Wad 29, Pediatrik Hematologi, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Jabatan Perkhidmatan Pediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Objektif program adalah untuk melahirkan masyarakat yang sihat pada masa akan datang, di samping mendedahkan para pelajar tentang kepentingan pengesanan awal dan pencegahan penyakit Talasemia.

Syarikat dikompaun BND200

Siaran Akhbar dan Foto :
Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait

BELAIT, Isnin, 8 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait mengeluarkan satu kompaun kepada satu syarikat sebanyak BND200 kerana menyalahi Bab 12 (1) (b) Akta Kesalahan-kesalahan Kecil.

Syarikat terbabit didapati membuang bahan binaan di tempat yang bukan dihaskan dengan meletakkan batu, pasir, dan simen binaan di Tamuneka Sungai Bera.

Unit Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait berkali-kali menyarankan kepada orang-orang awam dan pemilik-pemilik premis perniagaan supaya menjaga kebersihan kawasan sekeliling dan sentiasa membuang sampah di kawasan yang disediakan juga ditetapkan agar tidak mencemar alam sekitar.

Pemantauan dan rondaan akan sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan perkara-perkara yang menyalahi peraturan dan undang-undang yang diperuntukkan kepada Jabatan Daerah Belait supaya akan sentiasa mengawasi pembuangan sampah di kawasan premis perniagaan juga tempat-tempat awam.

Sebarang aduan bolehlah menghubungi melalui talian +673 3334335 sambungan Bahagian Penguatkuasaan.



UNIT Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait menyarankan orang ramai, terutama pemilik-pemilik premis perniagaan supaya menjaga kebersihan kawasan sekeliling, khususnya di Tamuneka Sungai Bera.

Perkembangkan penggunaan Braille Jawi Sekolah Ugama



KETUA Unit Pendidikan Khas Ugama, Awang Haji Mohd. Suffri Sofian bin Haji Md. Umar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Kemahiran penggunaan Braille supaya akan dapat dilaratkan kepada semua guru ugama bagi memudahkan mengajar Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang mempunyai masalah penglihatan.

Ketua Unit Pendidikan Khas Ugama, Awang Haji Mohd. Suffri Sofian bin Haji Md. Umar ketika ditemui juga menyatakan statistik jumlah MBK yang mempunyai masalah penglihatan di semua sekolah ugama di negara ini adalah seramai 34 murid.

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Unit Pendidikan Khas Ugama

Manakala, jumlah guru Pendidikan Khas Ugama adalah seramai 75 orang yang hampir sepenuhnya telah mengikuti Kursus Braille di Pusat Bahagia.

Mengenai perkembangan Braille di persekolahan ugama, Awang Haji Mohd. Suffri Sofian menjelaskan pengajaran dan pembelajaran Braille adalah lebih menjurus kepada penggunaan Braille Jawi.

MBK akan mengikuti kurikulum persekolahan ugama seperti biasa dengan menggunakan kitab-kitab ugama yang telah dibraillikan jawi, khususnya bagi Rendah bawah (Pra dan Darjah I, II serta III) sebagai peringkat permulaan.

Pihaknya, jelasnya, akan melaratkan usaha penggunaannya ke peringkat Rendah Atas iaitu Darjah IV, V dan IV.

Para MBK akan diajarkan terlebih dahulu kod-kod Braille Jawi sebelum masuk kepada kaedah pembacaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kitab-kitab ugama yang telah dibraillikan.

Justeru itu, tambahnya, ia



MESIN Braille yang digunakan untuk pembelajaran bagi Murid Berkeperluan Khas yang mempunyai masalah penglihatan.

memudahkan para Guru Pendidikan Khas Ugama dan Murid Berkeperluan Khas mengikuti pembelajaran seperti murid biasa agar mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran Al-Quran Braille dan Iqra Braille.

Awang Haji Mohd. Suffri Sofian

juga menjelaskan bahawa kitab-kitab persekolahan ugama dan Iqra yang telah dibraillikan adalah usaha Unit Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, KHEU dan Guru-guru Pendidikan Khas Ugama sendiri, di samping kerjasama dengan Pusat Bahagia,

Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Tambahnya, Guru-guru Pendidikan Khas Ugama juga mendedahkan penggunaan mesin Braille kepada MBK dalam pembelajaran yang disumbangkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



MINDA PEMBACA

Belia proaktif membangunkan masyarakat dinamik

LINGKUNGAN belia dikategorikan di antara umur 15 tahun hingga 40 tahun, yang mana pada peringkat ini tenaga manusia berada pada tahap optimum. Golongan belia sangat penting sepertimana Dr. Yusuf Al-Qardhawi menyebutkan : "Jika ingin melihat masa depan sesebuah negara, lihatlah generasi mudanya pada hari ini." Sebelum mengubah masyarakat, ia bermula secara individu dan insan terdekat dalam kalangan ahli keluarga dan rakan-rakan, ia akan memberi kesan kepada masyarakat. Generasi muda adalah bakal pemimpin dan peneraju pembangunan dan pentadbiran negara.

Negara kita mempunyai misi untuk

dicapai, iaitu Wawasan Negara 2035. Para belia didedahkan mengenainya sejak di alam persekolahan dan universiti. Ia bukanlah sekadar teori semata-mata, namun misi untuk dicapai sebelum menjelang tahun 2035. Justeru itu, kita semua khususnya para belia hendaklah sama-sama proaktif, berganding bahu bekerjasama melibatkan diri secara dinamik dengan menyumbang ilmu, tenaga, kemahiran dan masa secara produktif dan progresif. Usaha itu akan menjadikan masyarakat dinamik dan seterusnya akan mudah menggapai wawasan Negara 2035 dan berjaya di dunia dan akhirat.

Antara contoh inisiatif belia proaktif

ialah dengan menyambung pengajian menuntut ilmu, mempraktikkan ilmu yang diketahui, mencurahkan keringat bekerja tidak kira di sektor kerajaan, swasta atau menjadi usahawan. Ini akan meningkatkan ekonomi negara. Di samping melibatkan diri menyumbang kemahiran, tenaga dan masa dengan persatuan atau menjadi sukarelawan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat dan kebajikan. Selain itu juga, inovatif dan kreatif mencipta sesuatu yang memudahkan lagi urusan. Contohnya bijak memanfaatkan kemudahan teknologi mencipta alat mudah alih, membuat sistem, aplikasi atau perisian (software) dan sebagainya.

Dengan menjadi belia yang

bermatlamat, proaktif pelbagai aspek dan progresif akan membangunkan masyarakat dinamik. Yang mana setiap individu memiliki misi untuk dicapai dalam hidup secara jangka pendek dan panjang, berakhlak baik, berdisiplin, berani mencuba, meraih peluang yang ada dan masa harian digunakan sebaiknya secara produktif. Hasilnya, masyarakat berilmu, bermatlamat, pemedulian dan berjaya dalam pelbagai bidang dan sektor. Di samping tidak terlibat perkara sia-sia atau merosakkan seperti dadah dan masalah sosial lain.

Nama : Nuraliza binti Haji Jamaluddin
No. K/P : 01-052282 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tanggungjawab Semua Tangani Buli'. Tarikh Tutup : 10 Julai 2019
2. 'Raja Berdaulat, Sanjungan Rakyat'. Tarikh Tutup : 17 Julai 2019
3. 'Bidang Keusahawanan Hasilkan Masyarakat Berdaya Tahan'. Tarikh Tutup : 24 Julai 2019

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 17 / 2019

ONE YEAR TERM CONTRACT FOR
MAINTENANCE AND REPAIR OF MAIN
AIR CONDITIONING PLANT, RAC AND
SPLIT UNIT FOR MUARA NAVAL BASE

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS :
III & KE ATAS

KATEGORI M01, E01 dan E02

TEMPOH PENYIAPAN :
SATU (1) TAHUN

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 30 Julai 2019.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada Jumaat, 26 Julai 2019 jam 10.30 Pagi.**

b. Penender adalah dikehendaki membayar Bayaran Tawaran di Bangunan Arkib aras bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison BS3510, Negara Brunei Darussalam. Yuran tawaran tersebut tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Waktu bagi menerima bayaran hari-hari biasa :

Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran

seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bon-fide tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemas kini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran :

i. Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 / 17 / Form X;

ii. Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;

iii. Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (Tax Compliance Certificate) dari Kementerian Kewangan yang terkini dan sah;

iv. Statement of Annual Returns yang terkini dan sah;

v. Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah)

Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut di atas boleh menyebabkan tawaran yang dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

e. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

f. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

g. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

h. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

i. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

BIRO MENCEGAH RASUAH
JABATAN PERDANA MENTERI

(1)
BILANGAN TAWARAN :
BMR / SH / RUMAH / 2019 / 2020

TAJUK TAWARAN :
KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN
PERUMAHAN BIRO MENCEGAH RASUAH (BMR)
SIMPANG 336-52-38 DAN 336-52-30 TAMAN MUYASSARAH
JALAN KEBANGSAAN LAMA

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkecayaan serta mempunyai Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (*Certificate of Registration Business Names Act*) yang sah.

2. Syarikat yang berhasrat untuk mengikut tawaran ini dikenakan bayaran bagi setiap pengambilan satu (1) Borang Tawaran atau Dokumen Tawaran sebanyak **BND10.00** (Sepuluh Ringgit Sahaja) dan hendaklah membuat pembayaran di Bahagian Kewangan, Biro Mencegah Rasuah pada waktu-waktu bekerja biasa dan Salinan resit hendaklah disertakan semasa menghantar tawaran. Wang borang tawaran atau dokumen tawaran tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik kerajaan.

3. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan tawaran tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat seperti berikut :

**Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah
Bangunan Lama, Lapangan Terbang
Lama Berakas, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam, BB3510.**

Tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Sabtu, 27 Julai 2019.**

5. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Syarikat-Syarikat yang berhajat boleh mendapatkan keterangan-keterangan lanjut berhubung dengan tawaran berkenaan di Bahagian Kewangan, Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja biasa.

7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran sama ada yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BILANGAN TAWARAN : KHEDN / EG / EPTAX / 1
Electronic Property Tax (EPTAX) - Municipal Property Database (MPD),
Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat ICT yang mempunyai kepakaran dalam pelaksanaan projek-projek ICT.

2. Syarikat yang berhajat untuk menyertai tawaran ini adalah dimestikan terlebih dahulu untuk membuat pendaftaran dan menyediakan keterangan perniagaan di dalam Business Reporting (BR) portal. Maklumat lanjut pendaftaran ini boleh didapati di www.business.gov.bn.

3. Syarikat yang berhajat untuk menyertai tawaran ini juga hendaklah memenuhi keperluan kuadran Highly Specialised di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi industri ICT (Local Business development, LBD). Maklumat lanjut mengenai dasar LBD ini boleh didapati di laman sesawang www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx.

4. Mana-mana syarikat yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah BND500.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat (CD) berharga BND5.00 dari :

**Unit Pengawalan Hiburan Awam
Tingkat 3**

**Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan, BS8610
Negara Brunei Darussalam.**

5. Bagi syarikat yang berhajat untuk mengikut tawaran hendaklah menyertakan dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran 16 dan 17 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.

6. Borang-borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan memasukkannya ke dalam sampul surat yang bertutup (*sealed envelope*) dengan menulis bilangan tawaran, nama tawaran dan tarikh tutup tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat.

7. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam :

**Peti Sebut Harga
Aras Bawah
Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan, BS8610
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat dari jam **2.00 petang pada Selasa, 10 September 2019.**

8. Sesi Penerangan tawaran (Information Day) akan diadakan pada **Rabu, 1 Ogos 2019** bertempat Dewan Serbaguna, Tingkat 6, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, jam 9.00 Pagi.

9. Syarikat yang berminat untuk menghadiri Sesi Penerangan berkenaan hendaklah membuat pembayaran yuran tawaran terlebih dahulu dan menghadapkan tiga (3) orang nama wakil kepada kementerian ini melalui e-mel secretariat.mpd@moha.gov.bn bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai sesi ini bolehlah menghubungi Urusetia melalui e-mel secretariat.mpd@moha.gov.bn.

10. Tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan atau tawaran yang tidak lengkap, tidak akan dilayan atau diterima.

11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, tidak akan terikat untuk memilih sebarang tawaran yang lebih murah atau yang difikirkan tidak munasabah.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA BAHAGIAN PENYAJIAN MAKANAN DAN MINUMAN) BAGI TEMPOH SATU (01) TAHUN

BILANGAN TAWARAN :
KHEU / JPI / PMM / SA TEMB / 07
NAMA SEKOLAH :
**Sekolah Arab Temburong,
Daerah Temburong**
BAYARAN DOKUMEN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

BILANGAN TAWARAN :
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT / 08
NAMA SEKOLAH :
Sekolah Arab Belait, Daerah Belait
BAYARAN DOKUMEN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membekalkan bahan-bahan Rancangan Pemasakan Sekolah Arab dan Asrama (Bahagian Minuman Kotak - Rehat pukul 10.00 Pagi) bagi tempoh SATU (1) TAHUN.

2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan tidak akan diterima kecuali mendapat Surat kebenaran untuk berniaga daripada Jabatan Perdana Menteri.

3. Pemohon-pemohon (pemilik syarikat) hendaklah membawa bersama SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 serta CAP SYARIKAT SEMASA MENGAMBIL BORANG TAWARAN. Jika berwakil, hendaklah membawa bersama surat wakil daripada pemilik syarikat.

4. Pemohon-pemohon (pemilik syarikat)

hendaklah MEMPUNYAI SIJIL HALAL DARI BAHAGIAN KAWALAN MAKANAN HALAL, JABATAN HAL EHWAL SYARIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA untuk mengendalikan perkhidmatan ini.

5. Pemohon-pemohon hendaklah menggunakan BORANG ASAL yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwat Ugama, Negara Brunei Darussalam.

6. Borang-borang tawaran boleh diperoleh di BAHAGIAN KEWANGAN, TINGKAT 1, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, JALAN DEWAN MAJLIS, BERAKAS, BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

7. Tarikh akhir mengambil borang dan tarikh akhir menghantar borang tawaran :
Tarikh akhir mengambil borang tawaran :
Sabtu, 17 Zulkaedah 1440H / 20 Julai 2019M
Tarikh akhir menghantar : **Selasa, 20 Zulkaedah 1440H / 23 Julai 2019M, tidak lewat jam 2.00 Petang.**

8. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN dan ditujukan kepada :

**PETI TAWARAN
LEMBAGA TAWARAN KECIL
BAHAGIAN KEWANGAN, TINGKAT 1
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
JALAN DEWAN MAJLIS
BERAKAS, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

9. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang tawaran :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

**Sabtu
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi**



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
III & IV SAHAJA
KATEGORI :
[KA01 SAHAJA]

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
23 JULAI 2019 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN
PADA :
6 OGOS 2019 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DWS / 017 / 2019**

**NAMA PROJEK :
MENGANTI PAIP-PAIP LAMA
CEMENT / GALVANISED IRON DAN
PVC DI DALAM RANGKAIAN
SISTEM PEMBAHAGIAN AIR
- MUKIM LABU DAERAH
TEMBURONG**

**YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

YURAN E -DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG

BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
III & IV SAHAJA
KATEGORI :
[KA01 SAHAJA]

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
23 JULAI 2019 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN
PADA :
6 OGOS 2019 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DWS / 018 / 2019**

**NAMA PROJEK :
MENGANTI PAIP AIR
PEMBEKALAN MENUJU KE
TANGKI SULTAN FLIGHT**

**YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

YURAN E -DOKUMEN : -

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

DOKUMEN-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / JAN / 026 / 2019**

**TAJUK :
PROPOSED TO DESIGN, SUPPLY,
INSTALL, TESTING AND
COMMISSIONING FM200 FIRE
SUPPRESSION SYSTEM FOR THREE
(3) BATTERYROOMS AND INVERTER
ROOM AT GADONG POWER
STATION**

**YURAN TAWARAN :
BND10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :
30 Julai 2019 / Selasa (jam 2.00 Petang)**

**KELAYAKAN :
PEMBEKAL YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DALAM KELAS III,
IV ATAU V DALAM KATEGORI**

KPME05

**TEMPAT TUTUP :
PENERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA
DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN,
B2, BANGUNAN JABATAN
PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN :
Sila bawa Salinan Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU, NEW YORK

Jawatan :
**1. Assistant Secretary-General
For General Assembly and Conference
Management
United Nations Headquarters
New York**

**Tarikh tutup :
15 Julai 2019**

Laman sesawang :
<https://www.un.org/Depts/DGACM>

Jawatan :

**2. Special Representative of the
Secretary-General (SRSG)
United Nations Peace Operations
3. Deputy Special Representative of the
Secretary-General (DSRSG)
United Nations Peace Operations**

**Tarikh tutup :
30 September 2019**

Laman sesawang :
<https://peacekeeping.un.org/en>

UNTUK makluman, pemohon-pemohon yang berminat bolehlah menghadapkan kepada Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa melalui e-mel :
dio@mfa.gov.bn



JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Peti Sebut Harga
Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, BA1211
Negara Brunei Darussalam.**

**BIL. TAWARAN :
(35) JBS / ADM / QC / 2019**

**KETERANGAN :
MENYEDIAKAN DAN MENGHANTAR
PERALATAN SUKAN KIU.
1. MINI POOL TABLE 7FT
FOLDABLE LEGS.
2. MINI POOL 4 FT WOOD.
3. PLAYING POOL CUE.**

**BIL. TAWARAN :
(36) JBS / ADM / QC / 2019**

**KETERANGAN :
MENYEDIAKAN DAN MENGHANTAR
PERALATAN-PERALATAN SUKAN
TAE KWAN DO, KARATE DO, RAGBI,
SEPAK TAKRAW, OLAHRAGA
& LAWAN PEDANG.**

**BIL. TAWARAN :
(37) JBS / ADM / QC / 2019**

**KETERANGAN :
MENYEDIAKAN DAN MENGHANTAR**

AIR MINERAL 600ML

**BIL. TAWARAN :
(38) JBS / ADM / QC / 2019**

**KETERANGAN :
MENYEDIAKAN DAN MENGHANTAR
KELENGKAPAN PERHIMPUNAN
RAMAH MESRA BELIA BERSAMA
KDYMM SEMASA SAMBUTAN HARI
BELIA KEBANGSAAN KE-14, 2019.**

**Tarikh Tutup :
21 Zulkaedah 1440H / 24 Julai 2019M
(Rabu)**

**Jam :
tidak lewat jam 2.00 Petang**

**Cagaran :
BND10.00 (bagi setiap dokumen
- tidak dikembalikan)**

DOKUMEN-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA1211, Negara Brunei Darussalam.

**WAKTU MENERIMA BAYARAN
Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 26 Jun 2019**. Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

4. Mana-mana pemborong yang berhasrat untuk menyertai tawaran-tawaran yang diiklankan di bawah Kementerian Kesihatan disarankan untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai dengan pensyaran tawaran di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 44 / 2019 / 2020 / UPP**

**KETERANGAN :
SUPPLY, DELIVERY AND
MAINTENANCE OF BONE
CONDUCTION HEARING AIDS
PROCESSORS, ACCESSORIES
AND CONSUMABLES FOR BONE
ANCHORED HEARING AID (BAHA)
PROGRAM FOR AUDIOLOGY
SERVICES, RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 45 / 2019 / 2020 / UPP(TC)**

**KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLES OF
VITREO RETINAL SURGERY FOR
EYE CLINIC RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 46 / 2019 / 2020 / UPP(TC)**

**KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLES ITEMS
FOR EYE CLINIC RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)
HOSPITAL FOR A PERIOD OF
THREE (3) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 47 / 2019 / 2020 / UPP(TC)**

**KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLES OF
VITRECTOMY SURGERY FOR EYE**

**CLINIC RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 48 / 2019 / 2020 / UPP(TC)**

**KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF TOTAL
KNEE REPLACEMENT AND TOTAL
HIP REPLACEMENT FOR
DEPARTMENT OF ORTHOPEDIC,
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR
A PERIOD OF FIVE (5) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 49 / 2019 / 2020 / UPP(TC)**

**KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
IMPLANTS FOR DEPARTMENT OF
ORTHOPEADIC, RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)
HOSPITAL FOR A PERIOD OF
FIVE (5) YEARS [PART 1]**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 50 / 2019 / 2020 / UPP(TC)**

**KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
IMPLANTS FOR DEPARTMENT OF
ORTHOPEADIC, RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)
HOSPITAL FOR A PERIOD OF
FIVE (5) YEARS [PART 2]**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 51 / 2019 / 2020 / UPP(TC)**

**KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
ANTERIOR CRUCIATE LIGAMENT**

**RECONSTRUCTION SYSTEM FOR
DEPARTMENT OF ORTHOPEDIC,
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A
PERIOD OF FIVE (5) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND50.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 52 / 2019 / 2020**

**KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 63 / 2019 / 2020 / DSS**

**KETERANGAN :
TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL AND
TRAINING FOR SPECIALIZED
FEATURES UPGRADE ON THE
EXISTING NUGENESIS DATABASE
PLATFORM IN TOXICOLOGY
SECTION, DEPARTMENT OF
SCIENTIFIC SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN :
BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 70 / 2019 / 2020 / PKA(TC)**

**KETERANGAN :
THE MANAGEMENT AND
OPERATION OF THE HEALTH
PROMOTION CENTRE CAFETERIA
FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND10.00**

**TARIKH TUTUP :
23 JULAI 2019
Tidak lewat jam 2.00 Petang**

**IKLAN WEBSITE PADA
26 JUN 2019**



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Tajuk Tawaran :

**1) UNISSA / SB0010 / 2019 / 2020
FABRICATE, SUPPLY AND
INSTALL OF NEW GLASS
PARTITION WITH ALUMINIUM
FRAME FOR UNISSA**

**2) UNISSA / SB0011 / 2019 / 2020
PEMBELIAN PRINTER BAGI
KEGUNAAN RF ID UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh :
**BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT 1
BANGUNAN PENTADBIRAN
DAN KEWANGAN
SIMPANG 347
JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Nota : Dokumen tawaran akan mengandungi borang sebut harga, spesifikasi dan / atau syarat-syarat tawaran juga borang pengakuan integriti penender.

3. Pada waktu-waktu (termasuk menerima yuran tawaran) seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi**

***Kecuali Isnin, 15 Julai 2019 bersamaan
12 Zulkaedah 1440H sempena Ulang
Tahun Hari Keputeraan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien**

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja (bagi setiap tawaran) dan tidak akan

dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Segala kehendak dalam borang sebut harga mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

6. Permohonan tawaran ini akan ditolak jika sebarang perubahan / pembetulan pada Harga Tawaran yang menggunakan *blanco*.

7. Sebarang perubahan / pembetulan Harga Tawaran hendaklah ditandatangani asal (*initial*) dan cap syarikat.

8. Tawaran yang telah diisi dalam Borang Sebut Harga yang asal (tidak boleh difotokopi dan *discan*). Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI SEBUT HARGA
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI
SIMPANG 347
JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

9. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup iklan ini, tanpa menunjukkan sebarang identiti, nama atau logo syarikat / pembekal.

10. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat **Rabu, 17 Julai 2019, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

11. Sijil Pendaftaran Syarikat / Nama-nama Perniagaan (Form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

12. Sijil Pengiktirafan dari Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2019-2020 / 18 / UP**

**TAJUK SEBUT HARGA :
MINOR REPAIR WORKS TO
BANDAR SERI BEGAWAN
MUNICIPAL DEPARTMENT MULTI
PURPOSE HALL AT SUBOK,
BANDAR SERI BEGAWAN**

**HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :
KHAMIS, 18 JULAI 2019
JAM 2.00 PETANG**

**KETERANGAN LANJUT BOLEH
DIPEROLEH DARI:**

**UNIT PEMULIHARAAN
DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
BAHAGIAN PEMULIHARAAN
DAN KENDERAAN
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
TINGKAT 6
BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL
& PERDAGANGAN BUMIPUTERA
JALAN CATOR
BANDAR SERI BEGAWAN.**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-nama Perniagaan (*Business Names Act*) dan sebut harga ini hanya layak bagi syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai kategori kerja kod B01 (Kerja-kerja Bangunan), E01 (Pemasangan Pendawaian Elektrik) dan Kelas I atau II sahaja.

2. Dokumen sebut harga dikenakan bayaran / caj sebanyak **BND2.00** (Dua Ringgit Brunei) bagi pendaftaran dan

BND10.00 (Sepuluh Ringgit Brunei) bagi yuran pentadbiran dan pembayaran hanya boleh dibuat di **Kaunter Pembayaran, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri.** Tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Rabu, 10 Julai 2019, jam 2.00 Petang** di **Kaunter Unit Pemuliharaan, Tingkat 6, Bangunan Pusat Komersial & Perdagangan Bumiputra, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan.**

3. Sebut Harga dan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disebutkan di atas hendaklah dihadapkan dalam sampul surat tertutup dengan menulis di sebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim atau tajuk sebut harga kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA
MENELITI TAWARAN
DAN SEBUT HARGA
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN**

4. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke :

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA
TINGKAT 3
BANGUNAN JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
JALAN PERDANA MENTERI, BA1512
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2019-2020 / 14 / UP**

**TAJUK SEBUT HARGA :
ELECTRICAL WORKS AT CAR
PARK, 2ND LEVEL, 3RD LEVEL AND
4TH LEVEL, BANGUNAN PUSAT
KOMERSIAL DAN PERDAGANGAN
BUMIPUTERA, BANDAR SERI
BEGAWAN, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :
KHAMIS, 18 JULAI 2019
JAM 12.00 TENGAH HARI**

**KETERANGAN LANJUT BOLEH
DIPEROLEH DARI:**

**UNIT PEMULIHARAAN
DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
BAHAGIAN PEMULIHARAAN
DAN KENDERAAN
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
TINGKAT 6
BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL
& PERDAGANGAN BUMIPUTERA
JALAN CATOR
BANDAR SERI BEGAWAN.**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-nama Perniagaan (*Bussiness Names Act*) dan sebut harga ini hanya layak bagi syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai kategori kerja bil E01 Pemasangan Pendawaian Elektrik dan B01 Kerja-Kerja Bangunan dan Kelas I atau II sahaja.

2. Dokumen sebut harga dikenakan

bayaran / caj sebanyak **BND2.00** (Dua Ringgit Brunei) bagi pendaftaran dan **BND10.00** (Sepuluh Ringgit Brunei) bagi yuran pentadbiran dan pembayaran hanya boleh dibuat di **Kaunter Pembayaran, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri.** Tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Rabu, 10 Julai 2019, jam 2.00 Petang** di **Kaunter Unit Pemuliharaan, Tingkat 6, Bangunan Pusat Komersial & Perdagangan Bumiputra, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan.**

3. Sebut Harga dan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disebutkan di atas hendaklah dihadapkan dalam sampul surat tertutup dengan menulis di sebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim atau tajuk sebut harga kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA
MENELITI TAWARAN
DAN SEBUT HARGA
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN**

4. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke :

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA
TINGKAT 3
BANGUNAN JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
JALAN PERDANA MENTERI, BA1512
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2019-2020 / 20 / Mtech**

**TAJUK SEBUT HARGA :
QUOTATION TO SUPPLY AND
DELIVERY OF TONER / CARTRIDGE
PRINTER FOR BANDAR SERI
BEGAWAN MUNICIPAL
DEPARTMENT, MINISTRY OF
HOME AFFAIRS**

**HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :
KHAMIS, 18 JULAI 2019
JAM 12.00 TENGAH HARI**

**KETERANGAN LANJUT BOLEH
DIPEROLEH DARI:**

**UNIT PEMULIHARAAN
DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
BAHAGIAN PEMULIHARAAN
DAN KENDERAAN
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
TINGKAT 6
BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL
& PERDAGANGAN BUMIPUTERA
JALAN CATOR
BANDAR SERI BEGAWAN.**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-nama Perniagaan (*Bussiness Names Act*).

2. Dokumen sebut harga dikenakan bayaran / caj sebanyak **BND2.00** (Dua Ringgit Brunei) bagi pendaftaran dan

BND10.00 (Sepuluh Ringgit Brunei) bagi yuran pentadbiran dan pembayaran hanya boleh dibuat di **Kaunter Pembayaran, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri.** Tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Rabu, 18 Julai 2019, jam 2.00 Petang.**

3. Sebut Harga dan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disebutkan di atas hendaklah dihadapkan dalam sampul surat tertutup dengan menulis di sebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim atau tajuk sebut harga kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA
MENELITI TAWARAN
DAN SEBUT HARGA
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN**

4. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke :

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA
TINGKAT 3
BANGUNAN JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
JALAN PERDANA MENTERI, BA1512
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Syarat-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kelas I dan II dalam Kategori KPB 05 SAHAJA di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke **Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.**

3. Bagi syarikat / pemborong yang berminat untuk mengikuti tawaran sebut harga hendaklah menyertakan dan menghadapkan salinan **Sijil Pendaftaran 16 dan 17** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat, Jabatan Peguam Negara, Negara Brunei Darussalam juga menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam yang masih sah laku.

4. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Kotak Sebut Harga, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.**

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

**BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 076 / 2019**

**TAJUK :
TERM CONTRACT (12 MONTHS) FOR RODENT CONTROL CHEMICAL
TREATMENT TO 2 BUILDING MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS,
JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP :
RABU, 17 JULAI 2019,
2.00 PETANG**

**YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / BPP / 010 / 2019**

**TAJUK :
SUPPLY AND INSTALLATION OF
ENERGY EFFICIENT LIGHTING
FROM SIMPANG SIBULU TO
SIMPANG BOKOK IN TEMBURONG
DISTRICT**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :
30 Julai 2019 / Selasa (jam 2.00 Petang)**

**KELAYAKAN :
PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN BAGI KATEGORI
E01 DAN E02 DALAM KELAS II, III,
IV ATAU V SAHAJA, MEMPUNYAI
PEKERJA MAHIR YANG
BERDAFTAR DENGAN JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK SERTA**

**MEMPUNYAI PERALATAN /
KEMUDAHAN BAGI
MENGENDALIKAN KERJA
TERSEBUT**

**TEMPAT TUTUP :
PENGURUS
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA
DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN,
B2, BANGUNAN JABATAN
PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Pendaftaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN :
Sila sertakan salinan Business Names Enactment, 1958 - Section 16 & 17 dan sijil pendaftaran pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**

**SEBUT HARGA MEMBEKALKAN
PENTAS DAN BACKDROP
SEMPENA HAFLUT TAKHARRUJ
(KONVOKESYEN) KALI KE-7
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

DENGAN hormatnya sukacita dijemput kepada pemborong-pemborong yang berminat untuk menyertai sebut harga yang tersebut di atas dan hendaklah menghantar sebut harga berkenaan tidak lewat pada **Rabu, 14 Zulkaedah 1440H bersamaan 17 Julai 2019, jam 2.00 Petang** ke alamat berikut :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Tingkat 1
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Jalan Menteri Besar Berakas
Negara Brunei Darussalam**

Syarat-syarat sebut harga :

Pemborong-pemborong, pembekal atau wakil penjual yang ikut serta hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti berikut :

1. Sebut Harga hanyalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, pembekal atau wakil penjual mestilah mempunyai lesen yang sah dan berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sahaja dan hendaklah

menyertakan Salinan lesen berkenaan bersama dengan sebut harga.

2. Sebut Harga ini tidak dipelawa kepada mereka yang berkhidmat dengan kerajaan atau mana-mana syarikat yang ada hubung kait dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti Syarikat Brunei Shell Petroleum; Syarikat Brunei LNG; Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan sebagainya.

3. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Bagi pemborong-pemborong, pembekal atau wakil penjual yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran 16 dan 17 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat, Jabatan Peguam Negara, Negara Brunei Darussalam, dan lain-lain sijil yang telah dikeluarkan yang masih sah laku.

5. Pemborong, pembekal atau wakil penjual yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini dikehendaki menyediakan dokumen atau keterangan yang berhubung dengan apa yang ditawarkan.

6. Pemborong-pemborong, pembekal atau wakil penjual yang berjaya hendaklah menyediakan barang yang ditawarkan tersebut menurut tempoh perjanjian yang telah ditetapkan.



**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

**NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 60 / 19 - 20
THE RENTING AND OPERATING
OF RTB CANTEEN AT RTB
BROADCASTING COMPLEX,
KG. SG. AKAR**

**Bayaran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :
24 Julai 2019**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha restoran, kantin dan katering yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari Pejabat Jurutera Perkhidmatan-Perkhidmatan Am, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit pembayaran semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan).

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong. Bagaimana pun Bilangan Nombor Rujukan Tawaran (Tender Reference No.) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.

4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Rabu,**

24 Julai 2019, jam 2.00 Petang.

5. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BS8610
Negara Brunei Darussalam.
Rujukan : RTB/ K / 60 / 19-20
Tarikh tutup : 24 Julai 2019**

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan TIDAK akan dilayan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Salinan sijil perniagaan yang masih sah laku mestilah disertakan bersama.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

10. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan.

11. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan daripada syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

**NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 61 / 19 - 20
PENYEWAAN TAPAK BAGI MESIN
VENDING DI RUANG LEGAR PUSAT
PENYIARAN RTB, KG. SG. AKAR**

**NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 62 / 19 - 20
PENYEWAAN TAPAK BAGI MESIN
VENDING DI RUANG LEGAR PUSAT
PENYIARAN RTB, BANDAR SERI
BEGAWAN**

**Bayaran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :
24 Julai 2019**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan mesin vending yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari Seksyen Kewangan RTB, Tingkat 2, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit pembayaran semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan).

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong. Bagaimana pun Bilangan Nombor Rujukan Tawaran (Tender Reference No.) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.

4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Rabu, 24 Julai 2019, jam 2.00 Petang.**

5. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BS8610
Negara Brunei Darussalam.
Rujukan : (Sila tulis No. Sebut Harga
seperti yang dinyatakan di atas)
Tarikh tutup : 24 Julai 2019**

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan TIDAK akan dilayan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Salinan sijil perniagaan yang masih sah laku mestilah disertakan bersama.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

10. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan.

11. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan daripada syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : IV & V SAHAJA
KATEGORI : [KA01 SAHAJA]**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
9 JULAI 2019 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN
PADA :
23 JULAI 2019 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DWS / 011 / 2019**

**NAMA PROJEK :
PENAMBAHBAIKAN SISTEM
BEKALAN AIR (PEMBINAAN
TANGKI-TANGKI AIR DAN
PENINGKATAN SISTEM PAM AIR)
- TANGKI SIMPANAN
DIPLOMATIK, DAERAH BRUNEI
DAN MUARA**

**YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

YURAN E -DOKUMEN : -



KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA & TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN



PERADUAN MENCRIPTA LOGO

MENANGI WANG TUNAI BERJUMLAH **\$300**

SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dari semua peringkat umur
- Jumlah penyertaan tidak terhad

KRITERIA REKACIPTA

- Semua rekacipta adalah asli
- Mencerminkan peranan, fungsi dan perkhidmatan teras Kementerian
- Memasukkan nama Kementerian serta Panji-Panji Negara Brunei Darussalam di dalam warna asalnya
- Nama Kementerian disertakan di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu serta Tulisan Jawi
- Mengambil warna-warna korporat Kementerian iaitu *Navy Blue* and *Mustard Yellow*

PENYERTAAN DAN TARIKH TUTUP

- Semua penyertaan melalui www.memi.gov.bn/logodesign
- Tarikh tutup pada Sabtu, 10 Ogos 2019 (11.59 malam)

Penyertaan adalah percuma



Beri peluang anak tempatan berniaga sambil

RAMAI beranggapan setiap perniagaan hanya boleh dimulakan dengan adanya wang yang banyak bagi mendapatkan keuntungan yang besar tanpa risiko yang tinggi. Atau bolehkah kita berniaga tanpa modal dan dengan modal yang kecil bagi menjana keuntungan yang tinggi dan lebih selamat? Terdapat pelbagai cara bagi memulakan perniagaan yang boleh dilakukan tanpa modal dan tanpa menanggung kerugian yang banyak.

Pada masa ini, kemudahan untuk menjalankan perniagaan adalah jauh lebih mudah. Pengiklanan pula boleh dilakukan hanya dengan bajet yang minimum atau kita boleh membuat pengiklanan barangan jualan kita dengan hanya menggunakan kemudahan yang sedia ada seperti melalui telefon bimbit, aplikasi WhatsApp, Facebook, Instagram dan banyak lagi di mana ia tidak memerlukan kita untuk membuat pembayaran apa yang penting ialah cara kita membuat promosi barangan jualan tersebut atau awda boleh mulakan berniaga sebagai ejen *dropship* untuk mengukur sejauh mana kemampuan pemasaran bagi sesuatu produk sebelum awda menghasilkan produk sendiri.

Apa Pendapat Biskita kali ini mungkin ia dapat memberikan tip untuk mereka yang ingin memulakan perniagaan.

"Dalam dunia perniagaan baik secara kecil-kecilan ataupun yang sememangnya sudah *establish* memang memerlukan pelbagai liku-liku getir pahit dan manisnya. Namun, untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan ia tidak memerlukan kita untuk mengeluarkan modal yang besar. Selain itu, kita juga boleh memulakan perniagaan dengan menggunakan modal yang kecil. Seperti saya, modal paling kecil yang pernah saya belanjakan adalah sebanyak BND150. Ketika itu, saya hanya menjual beberapa aksesori kecantikan seperti pin tudung, klip tudung dan sedikit tudung, yang saya beli daripada pembekal di luar negara melalui pesanan dalam talian. Keuntungan daripada jualan tersebut saya kumpul untuk dijadikan modal pusingan dan simpanan bagi menampung kos perbelanjaan saya semasa melanjutkan pengajian di universiti. Setelah habis pengajian di UBD, saya menjadi tenaga pengajar di sebuah sekolah di negara ini dan pada masa yang sama selepas waktu bertugas, saya berniaga secara kecil-kecilan di pasar malam dan mengikuti beberapa bazar Ramadan dengan modal yang saya ambil daripada gaji bulanan saya. Keuntungan daripada jualan tersebut saya kumpul dan gunakan untuk menimba ilmu bagi membuka butik pakaian dan beberapa hasil rekaan saya sendiri. Saya dapat lihat perniagaan dalam bidang ini mempunyai masa depan yang cerah dan serasi dengan minat saya. Bagi mencapai impian tersebut, saya mengikuti kursus dalam bidang rekaan dan berkat ketekunan dan hasil daripada modal kecil yang saya lakukan ia kini berhasil memberi pulangan yang besar dan dapat membantu menyara kehidupan saya dan keluarga." - **RZ Aliya, KB.**

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, trend menjual barangan dalam talian mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat di negara kita khususnya generasi muda. Disebabkan sambutan baik terhadap perniagaan dalam talian, ramai golongan muda menceburi bidang ini sebagai usaha menambah dan menampung perbelanjaan harian. Bahkan saya sendiri selaku lepasan mahasiswa telah memulakan perniagaan kecil-kecilan secara dalam talian sejak saya berada di universiti lagi kerana perniagaan dalam talian menjadi lubuk emas baharu dalam bidang perniagaan. Memulakan perniagaan menerusi dalam talian mampu membantu golongan berpendapatan rendah, malah turut dapat menyelesaikan masalah pengangguran dalam kalangan generasi muda kerana sektor ini mudah bagi mereka kuasai disebabkan asasnya adalah internet. Untuk memulakan perniagaan baik secara kecil-kecilan dengan modal yang kecil lebih mudah kerana untuk kita memerlukan bantuan daripada pihak-pihak tertentu mungkin sedikit berat disebabkan syarat-syarat yang dikenakan tidak semestinya mampu untuk seseorang itu dapat memenuhinya, bahkan ia turut membebankan mereka yang tidak berkemampuan, bahkan sekali gus mengubur impian mereka untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan." - **Mohd. Ibrahim Shafiq AS, BSB.**

"Status bisnes sendiri selalu menjadi impian ramai orang. Dengan keadaan ekonomi yang tidak kuat, ramai yang mula terlibat dalam perniagaan sama ada secara sepenuh masa, sambil, secara dalam talian atau memiliki kedai fizikal. Jadi sekiranya keusahawanan menjadi semakin mudah dan bertambah menjadi norma hidup, memang sudah tiba masanya bidang itu diberi akses yang lebih menyeluruh, malah ia patut diberi peluang untuk mencabar anak muda kita daripada bangku sekolah untuk pertimbangan dan diperluaskan pengalaman mereka untuk mencari wang saku sendiri. Ini juga bertepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyeru agar rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya belia negara untuk menceburkan diri dalam bidang niaga, yang mana ia sekali gus mampu untuk membantu meningkatkan ekonomi negara. Cuma kebanyakan masalahnya yang kita dengar ialah modal walaupun ia menyentuh untuk membuat perniagaan kecil-kecilan secara sambil. Memang di negara kita kemudahan untuk membuat pinjaman bagi memulakan perniagaan baik secara kecil-kecilan ada disediakan namun apa yang menjadi penghalang bagi mereka dan membantutkan niat untuk memulakan perniagaan tersebut ialah syarat-syarat yang dikenakan terlalu membebankan mereka." - **Azhar Mohd. Aziz.**

Selaku penulis Apa Pendapat Biskita berpendapat, perniagaan patut dimulakan ketika kita masih bekerja. Kita tidak perlu berhenti kerja dan berikan tumpuan penuh untuk perniagaan yang akan dijalankan. Buat dahulu secara sambil. Gaji bulanan yang sedia ada, gunakan untuk menyara hidup dan keperluan yang lain, termasuklah sedikit modal untuk menjayakan idea perniagaan impian.

Ambillah masa untuk membina empayar perniagaan sendiri secara perlahan-lahan. Perkara yang paling utama, jangan membuat sebarang pinjaman secara mengejut dan tanpa perancangan. Akan tiba satu masa, perniagaan tersebut akan berkembang dan mampu menanggung diri serta keluarga untuk berhenti kerja dan awda dapat memberikan tumpuan pada perniagaan tersebut sepenuh masa.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

i. Awasi Penggunaan Telefon Bimbit Dalam Kalangan Anak-Anak
ii. Banggakan Penggunaan Bahasa Melayu



Kenali Bahasa Brunei

sakali puluk bermaksud dapat dimakan sekali gus tentang kuih atau buah yang bersaiz kecil. Contoh pemakaian kata : bisai karang ani urang mambuat tapai minak-minak, makan **sakali puluk** ganya.

pumpung bermaksud

1) cara mengikat atau ikatan, seperti mengikat rambut.

Contoh pemakaian kata : cubatah kau **pumpung** rambutmu atu dang, jangan dibiarkan rabai-rabai.

2) penjodoh bilangan bagi ikatan buah dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : mahal ampalam atu, dua **pumpung** lima ringgit.

punat bermaksud padat dan tidak berlemak tentang daging lembu, kerbau, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : mambali daging karbau pilih isi **punat**, pabaiktah mahal inda mangapa.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG LAMUNIN



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

PUCUK UBI MASAK LEMAK CILI PADI

BAHAN-BAHANNYA :

Sayur pucuk ubi
Bawang merah (dihiris)
Bawang putih (dihiris)
Belacan secubit
Udang hidup secukupnya
Garam secukupnya

Serbuk perasa secukupnya

Santan
Lada hidup merah dan hijau (dihiris)

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Tumiskan bawang merah,

bawang putih dan belacan sehingga naik bau. Kemudian masukkan sayur pucuk ubi, santan dan didihkan. Setelah itu, barulah masukkan garam, serbuk perasa, udang hidup dan lada hidup kacau sehingga masak.

MUKA 2

PELITA BRUNEI, Rabu, 1 July, 1959

"KORAN IZINKAN KITA MENUNTUT ILMU KEDUNIAAN"

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Kadhi Besar Brunei, telah menyeru murid2 Islam supaya mempelajari isi yang sa-benar-nya terkandung dalam kitab suchi Al-Koran.

Beliau telah membuat seruan itu dalam ucapan-nya tatkala mengadakan istiadat menyambut Hari Raya Haji anjoran bersama sekolah2 Sultan Muhamed Jamalul Alam, Lela Menchanai dan Sultan Omar Ali Saifuddin College di-adakan di-sini baharu2 ini.

Yang Amat Mulia itu sa-terus-nya berkata :

"Kitab suchi Al-Koran yang kita aji sa-tiap masa dan waktu itu mengandungi ajaran di-dalam-nya. Barang siapa yang tidak perchaya kapada ajaran itu akan rugi kelak.

"Jangan-lah bacha Koran itu hanya bagitu sahaja, malah pelajari-lah kandungan-nya dengan bersungguh2."

Pengiran Shahbandar sa-lanjut-nya menerangkan bahawa uga-ma Islam tidak menghalang penganut2-nya menuntut pelajarian2 keduniaan yang di-perlukan kerana kehidupan.

"Tuhan telah berfirman dalam surat Kusus, ayat 77 yang bermaksud supaya penganut2 ugama Islam menuntut bukan sahaja ilmu akhirat bahkan ilmu dunia juga," kata beliau.

Ilmu yang demikian itu akan membolehkan sa-saorang itu menchiptakan diri-nya sa-bagai ahli sa-suatu umat yang sanggup hidup sempurna dan bahagia, kata beliau lagi.

Keputusan peraduan bacaan Koran itu ada-lah saperti berikut :

Peserta2 dari sekolah2 SMJA dan Lela Menchanai: Abdul Wahab bin Tuan Imam (1), Kassim bin Abu Bakar (2) dan Ahmad bin Abdul Rahman (3).

Peserta2 SOAS Collage: Abdul Wahab bin Mohd Said (1), Ali Akbar bin Awang Bakar (2) dan Sahari bin Hussain (3).

Hadiah2 telah di-dermakan oleh ibu bapa murid2 sekolah2 tersebut.

ROMBONGAN PERUBATAN KA-BANGAR

TEMBURONG. — Satu rombongan kesihatan dari rumah sakit Bandar Brunei di-jadualkan melawat ka-beberapa tempat di-daerah ini untuk merawat dan memeriksa kesihatan penduduk2 kampung.

Ibu2 yang sedang mengandung dan anak2 mereka ada-lah di-nasihatkan berjumpa rombongan itu pada hari dan tempat saperti berikut :

KAMPONG BUKOK (tiap2 pagi Khamis) pada 23 July, 20 August, 17 September, 16 October, 12 November, 10 December dan 7 January, 1960.

BANGAR TEMBURONG (tiap2 pagi Khamis) pada 16 July, 13 August, 10 September, 8 October, 5 November, 3 dan 31 December dan 28 January, 1960.

LABU ESTATE (tiap2 pagi Khamis) pada 30 July, 27 August, 24 September, 22 October, 19 November, 17 December dan 14 January, 1960.

KAMPONG BATU APOI (tiap2 pagi Khamis) pada 6 August, 3 September, 1 dan 29 October, 26 November, 24 December dan 21 January, 1960.

MURID2 SOAS BOLOT HADIAH BAHATHAN

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan bahath dan sharahan telah di-adakan bersama oleh sekolah2 Melayu Sultan Mohammad Jamal ul-Alam, Lela Menchanai dan Maktab Omar Ali Saifuddin di-sini sa-bagai acara sambutan Hari Raya Haji tahun ini.

Peraduan tersebut di-adakan di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Tajok bahath yang telah diperlawankan itu ia-lah "untuk kebaikan manusia keamanan lebeh di-utamakan dari kema'moran".

Murid2 yang mengambil bahagian, penchadang: Asri bin Abu Bakar, Abidin bin Jair dan Abdul Wahab bin Sulaiman; dan pembangkang: Ak. Ibrahim bin Pengiran Ismail, dan Pawi bin Abdul-Latif.

Pihak penchadang telah mendapat markah tertinggi.

Keputusan peraduan berchakap petah ia-lah: Haji Tarif bin Haji Mohammad (1), Abdul Latif bin Abdul Hamid (2) dan Masri bin Abu Bakar (3).

Tajok bahath yang mendapat tempat pertama itu ia-lah "manusia dengan akhlak".

Kedua2 peraduan itu telah di-menangi oleh murid2 maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Pemenang2 bacaan koran

Gambar di-bawah menunjukkan pemenang pertama bacaan Al-Koran, Hajjah Zainab binti Haji Salleh dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei menerima hadiah-nya yang di-sampaikan oleh isteri Inche Ajmain (Pemangku Pegawai Kehutanan Brunei). Di-tengah2 kelihatan Ustazah Sharifah Mastura, Yang di-Pertua sambutan Hari Raya Haji anjoran sekolah tersebut.

Peraduan

Koran

murid2

perempuan

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis bacaan Koran kerana merayakan sambutan Hari Raya Haji telah di-adakan baharu2 ini di-dewan sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-sini di-bawah anjoran satu jawatan kuasa khas yang terdiri dari ibu2 dan guru2 sekolah itu.

Sa-belum peraduan di-jalankan ucapan daripada beberapa orang ahli jawatan kuasa itu telah di-lafazkan kerana mengalu2kan dan mengingati hari bahagia itu.

Yang di-Pertua Sambutan tersebut, Ustazah Sharifah Mastura, sa-orang guru sekolah itu berkata:

"Kita berkumpul di-sini adalah satu kesempatan kita menghubungkan salatul rahim, berke-nal2an, beramah tamah dan dapat kita bersama2 menyaksikan kemajuan anak2 kita di-lapangan pelajaran.

"Dengan mengadakan pertandingan bacaan kitab suchi Al-Koran mudah2an anak2 kita bertambah maju dan lebeh2 giat lagi mempelajari ugama."

Satu jamuan ringan telah di-adakan sa-lepas peraduan itu.

Murid2 yang telah berjaya ia-lah :

Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah: Latifah binti Awang Aji (1), Siti Tinah binti Abdul Rahman (2) dan Masnah binti Awang Besar (3).

Sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei: Hajjah Zainab binti Haji Salleh dari Sekolah Melayu RIF (1), Nuriah binti Abas dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (2), dan Siti binti Mohd. Yusof dari Sekolah Melayu RIF (3).

Puan Halimah Hussin, Puan Zahrah binti Tengah dan Chegu Malai Sukinah binti Shaikh Mahmud telah menghakimkan peraduan tersebut.

AHLI2 IKATAN BUDAYA DI-BAWA MENGELILINGI DUNIA

BANDAR BRUNEI. — Ikatan Budaya Melayu Brunei (IBU) telah mengadakan satu majlis cheramah di-dewan Civic Centre di-sini baharu2 ini untuk memberi peluang kapada ahli2 dan orang ramai mendengar fikiran dan pendapat atas kebudayaan Melayu Brunei.

Cheramah yang menarek hati telah di-berikan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof, Yang di-Pertua IBU dan Yang Berhormat Pengiran Mohamed Ali.

Beliau telah bersharah berkenaan dengan lawatan-nya mengelilingi

ngi dunia dan telah membandingkan kebudayaan Brunei dengan kebudayaan bangsa2 yang di-la-wati-nya.

Pengiran Ali telah bercheramah berkenaan dengan Orang2 Brunei dan negeri mereka.

Majlis itu telah di-pengerusikan oleh Inche Zain Ariff, setia usaha IBU.

Lantekan doktor baharu

Dr. R. Harrell telah di-lantek menjadi Pegawai Perubatan, Brunei mulai 3 June, 1959.



UTB antara universiti terbaik di Asia

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS

RANKED

2020

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Ihsan Universiti Teknologi Brunei

UNIVERSITI Teknologi Brunei (UTB) menempa sejarahnya pada tahun lepas apabila ia dinaikkan taraf sebagai sebuah institusi yang bertaraf lima bintang, berdasarkan Sistem Penilaian Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating, yang mana UTB memperoleh lima bintang dalam enam daripada tujuh kategori penilaian, iaitu Pengajaran, Kebolehpasaran, Pengantarabangsaan, Prasarana, Tanggungjawab Kemasyarakatan dan Kerangkuman dan ini pastinya merupakan satu mercu tanda sejarah pendidikan di negara ini lebih-lebih lagi dalam usia penubuhannya sebagai sebuah pengajian tinggi di negara ini.

Bagi sebuah universiti yang masih muda dengan pencapaiannya yang begitu tinggi dipercayai akan dapat membantu membukakan peluang pertumbuhan yang lebih luas lagi dalam usaha memacu kemajuan universiti ini dan seterusnya bersaing dan bertapak di dalam arena pengajian tinggi serantau mahupun antarabangsa.

Kita juga menyedari dan melihat bahawa kenaikan taraf ITB menjadi sebuah universiti berapa tahun lalu, dan juga nama baharu UTB ini merupakan satu pengiktirafan dan kepercayaan terhadap kematangan dan kemampuan UTB. Ini merupakan satu tanggungjawab yang mesti ditangani oleh semua lapisan warga UTB dengan penuh iltizam.

Dalam mencapai usia lebih 30 tahun penubuhannya, UTB terus menggalas misinya untuk menyediakan pembelajaran melalui pengalaman, meningkatkan penyelidikan dan mengukuhkan perkongsian, mempersiapkan para mahasiswa agar memenuhi permintaan dalam pasaran kerja yang kompetitif dan memenuhi Wawasan Brunei 2035.

Manakala pada tahun ini pula, UTB sekali lagi telah mengharumkan nama

negara apabila ia telah berjaya meraih kedudukan 400 teratas dengan menduduki tangga ke-379 di QS World University Rankings (QSWUR).

Ini juga telah membawa kedudukan UTB meningkat 63 anak tangga daripada posisi 442 berbanding dari tahun lepas menunjukkan ia adalah satu pencapaian terpenting bagi sebuah universiti yang masih muda.

Pencapaian ini satu kebanggaan buat negara kerana daripada sebanyak 1,620 institusi daripada 82 buah negara yang memenuhi kriteria dan layak untuk dimasukkan ke dalam senarai, hanya 1,001 institusi sahaja yang diterbitkan di dalam QSWUR 2020 pada tahun ini. Daripada keputusan menyeluruh, UTB adalah antara 36 peratus teratas dalam QSWUR.

Daripada penilaian tersebut, UTB menunjukkan keputusan yang sangat baik dalam Nisbah Fakulti Pelajar dengan berada di tangga ke-108 dengan peningkatan 50 anak tangga daripada tahun lepas. Pada posisi ke-77 di dunia, penilaian Fakulti Antarabangsa kekal sebagai penanda yang tertinggi bagi UTB.

Ini menunjukkan komitmen yang berterusan ke arah pengajaran yang berkualiti tinggi dan berdimensi antarabangsa. Selain itu, antara indikator-indikator lain yang turut menyumbang dalam penambahbaikan kedudukan UTB pada tahun ini juga termasuk reputasi akademik dan petikan penerbitan bagi setiap ahli fakulti yang menunjukkan peningkatan yang ketara daripada segi jumlah.

Di Asia, UTB adalah antara universiti

menduduki tangga 200 teratas. Dalam edisi 2019 QS Asia University Rankings, kedudukan UTB adalah di tangga 181, antara 500 institusi di seluruh benua. Bahkan UTB adalah satu-satunya universiti yang diberikan penilaian lima bintang oleh QS di negara ini. Standard yang tinggi dalam pendekatan *hands-on* yang diamalkan oleh UTB juga antara yang membezakan UTB dengan universiti yang lainnya. Pencapaian tersebut merupakan satu dorongan untuk UTB terus berkembang maju di pentas antarabangsa.

Pencapaian tersebut juga adalah berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UTB dan sokongan pihak Kerajaan Kebawah DYMM serta kerja keras semua pihak di UTB.

Walaupun UTB berjaya membuktikan kemampuannya, UTB tetap akan terus mengekalkan momentum dan berusaha untuk mencapai visinya menjadi sebuah universiti global yang memberi keberkesanan kepada masyarakat.

ITB ditubuhkan pada tahun 1986, pada 18 Oktober 2008, ITB secara rasmi dinaikkan taraf kepada universiti oleh Kebawah DYMM.

Sejak itu, perkembangan UTB termasuk perkembangan portfolio program akademiknya, menubuhkan perkongsian dengan industri dan universiti, akreditasi program oleh badan-badan profesional dan meningkatkan aktiviti penyelidikan.

Dengan pencapaian yang telah diraih oleh UTB, UTB berada di landasan yang tepat untuk menjadi sebuah universiti berkaliber antarabangsa pada masa yang sama menarik pelajar dan cendekiawan-cendekiawan dari dalam dan luar negara. Kejayaan universiti bergantung ke atas kejayaan menghasilkan graduan-graduan dan hasil penyelidikan, yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan perkembangan ekonomi.

UTB juga telah mencapai kemajuan yang ketara dalam penyelidikan di mana usaha-usaha penyelidikan UTB tertumpu kepada tiga teras penyelidikan, Minyak dan Gas, Teknologi Hijau dan Air.

Pusat Penyelidikan Pengangkutan UTB (CfTR) pula ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan termasuk kajian dasar, pemodelan pengangkutan dan sistem pengangkutan pintar, dan memberi tumpuan kepada bidang Keselamatan Pengangkutan, Lebuhraya & Geoteknik dan Trafik.

Sementara itu, pusat bagi kejuruteraan inovatif pula bertujuan untuk menjadi pusat pelbagai disiplin dan penyelidikan peralihan (*translational*). Selain itu, ke arah menjadikan warga Negara Brunei Darussalam menjadi cendekiawan yang serba berkebolehan, UTB turut memperkenalkan Galeri dan Studio Sekolah Reka Bentuk (SDe) yang mana SDe merupakan salah sebuah sekolah baharu di universiti berkenaan yang menawarkan dua program Ijazah Sarjana dalam bidang Seni Bina dan Reka Bentuk Produk.

Program tersebut bermula pada Ogos 2018, bertujuan untuk menghasilkan pemikiran kreatif bagi reka bentuk dan proses menggunakan teknologi moden juga penghargaan kepada produk atau bangunan yang ada. Secara keseluruhan pada masa ini, UTB mempunyai lebih 1,407 pelajar mengikuti fakulti dan sekolah-sekolah di bawah UTB. (Lihat Rajah).

Fakulti dan Sekolah-Sekolah	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan
Fakulti Kejuruteraan	372	268
Sekolah Perdagangan	114	245
Sekolah Pengkomputeran dan Informatik	159	129
Sekolah Gunaan Sains dan Matematik	21	50
Sekolah Reka Bentuk	21	28
Jumlah Pelajar	687	720



Awasi anak kitani daripada penyalahgunaan, perangkap dadah

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

SERIA, Selasa, 9 Julai. - Program Awasi Anak Kitani (AAK) anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Belait bagi Mukim Seria dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sendiri Berhad diadakan di Dewan Jabatan Daerah Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Penghulu Mukim Seria / Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim.

Ketika berucap pada majlis itu, Penolong Pegawai Penerangan yang juga Ketua Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku pengerusi majlis menjelaskan, penyalahgunaan dadah merupakan salah satu punca besar yang mengundang pelbagai isu jenayah dan gejala sosial yang tidak bermoral disebabkan ketergantungan penagih terhadap dadah yang mengkhayalkan.

Jika tidak ditangani dari awal, katanya isu yang sangat serius ini akan menjadi penyakit masyarakat yang sukar dikawal dan diubati.

Oleh itu, seluruh lapisan masyarakat perlu sama-sama

memainkan peranan dalam membantulas isu penyalahgunaan dadah.

Selain isu penyalahgunaan dadah, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar seterusnya menjelaskan, isu keselamatan dalam negara juga amat perlu dititikberatkan dalam sama-sama melindungi negara yang tercinta daripada ancaman anasir-anasir yang dapat memecahbelahkan masyarakat, mengancam keselamatan dan mengganggu keharmonian bermasyarakat.

Menyentuh mengenai zaman globalisasi yang serba canggih ini katanya lagi, Internet juga menjadi satu isu yang disalahgunakan, selain dadah, di mana isu-isu penggodaman, penyebaran maklumat palsu, penipuan dan ancaman-ancaman keselamatan yang dilakukan di Internet, terutama di media-media sosial sering didengar.

"Tidak dinafikan, Internet memberikan kemudahan kepada kita semua jika digunakan sebagai platform komunikasi dengan baik dan bertanggungjawab, namun ia juga boleh menimbulkan keburukan jika digunakan secara tidak bertanggungjawab," jelasnya.

Program diisikan dengan taklimat dari BKN (Pendidikan

dan Pencegahan Dadah), disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, Pengiran Mohd. Nuh bin Pengiran Mohd, yang antara lain menerangkan mengenai keburukan gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat yang semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius serta mengongsikan maklumat dalam menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat ini.

Taklimat diteruskan dari JKDN mengenai tugas dan tanggungjawab jabatan berkenaan, termasuk isu-isu keselamatan dalam negeri di bawah pantauannya.

Juga disampaikan, taklimat daripada Syarikat ITPSS Sendirian Berhad yang disampaikan oleh Security Analyst dari Syarikat ITPSS Sdn. Bhd, Pegawai Operasi, Pengiran Mohd. Farid Zulhusni bin Pengiran Aziz.

Taklimat bertajuk 'Menjaga Anak-anak Awda Selamat Dalam Talian (Keeping Your Children Safe Online)', antara lain menyentuh mengenai ancaman dan jenayah siber.

Pengiran Mohd. Farid Zulhusni juga mengongsikan tip pengguna bijak dalam penggunaan teknologi, termasuk panduan ibu bapa dalam mengawasi penggunaan IT dalam kalangan anak-anak.

Selain mendengarkan taklimat, program juga diisikan dengan



PEMANGKU Penghulu Mukim Seria / Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim (kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Belait bagi Mukim Seria.

pameran mengenai Mobile Apps Jabatan Penerangan dan Jualan Buku Terbitan Jabatan Penerangan, Pameran dari BKN dan JKDN.

Program AAK merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dirancang untuk diadakan di mukim-mukim seluruh negara secara berterusan di keempat-empat daerah bagi memberi kefahaman kepada

masyarakat melalui sesi taklimat dan pameran, terutamanya kepada para ibu bapa atau penjaga.

Selain itu, program juga adalah bagi menambah juga meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan juga perangkap dadah dan isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dalam negara.

Brunei kutip 16 pingat emas



ANTARA atlet veteran Negara Brunei Darussalam yang berjaya meraih pingat emas, perak dan gangsa pada Kejohanan Trek Master SMTFA dan Padang di Republik Singapura.

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Atlet Veteran Negara

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 8 Julai. - Persatuan Atlet Veteran Negara berjaya mengutip 16 pingat emas, lapan perak dan tiga pingat gangsa pada Kejohanan Trek Master SMTFA dan Padang

(SMTFA Masters Track and Field Championships), Home of Athletics, Republik Singapura yang berlangsung baru-baru ini.

Seramai 14 atlet veteran negara

menyertai kejohanan selama dua hari bermula 6 Julai yang berlangsung di Home of Athletics di sini.

Antara sukan yang disertai pada kejohanan tersebut ialah Larian 100M; 200M; 400M; 800M; 1000M; 1500M; 5000M; Lompat Jauh; Lompat Tinggi; *Javelin*; *Shotput* dan *Discus*.

DARI MAHKAMAH

Dipenjara dua tahun enam bulan akibat menipu

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Akibat penipuan, Geoffrey Chong Han Shun, berusia 49 tahun, hari ini dijatuhkan hukuman penjara dua tahun enam bulan oleh Majistret Pengiran Hazirah binti Pengiran Mohd. Yusof di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan.

Geoffrey Chong Han Shun melakukan kesalahan, iaitu menipu dan membelanjakan wang hasil jualan kereta bagi membayar hutangnya.

Kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 itu dilakukan sebanyak dua kali, iaitu pada bulan Februari dan Mei tahun ini dengan menjual kereta model Kia Cerato, berdaftar BAB 6821 dengan harga BND12,000; dan Toyota Estima, berdaftar BAC 3326 dengan harga BND11,000.

Padah memakan dadah

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Seorang lelaki, warganegara Malaysia dijatuhkan hukuman denda BND1,500 atau tiga bulan penjara oleh Majistret Kamaliah Fadhillah binti Haji Ibrahim bagi dua kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Awang Asri bin Taram @ Rahman, 34 tahun, tidak mempunyai pekerjaan, didapati melakukan kesalahan memakan dadah terkawal Kelas 'A' Methyamphetamine pada 13 September 2016 dan 29 Ogos 2017.

Majistret Kamaliah Fadhillah juga memerintahkan hukuman itu hingga 30 November 2019 ini jika gagal melunaskan denda tersebut.

Sukan

INFO SUKAN

SUKAN berbasikal kini diisytiharkan sebagai hobi negara selepas acara Riadah Berbasikal Kayuhan Jubli Emas yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.



ePaper Pelita Brunei

Brunei rangkul naib juara keseluruhan gusti lengan

ROMBONGAN yang mewakili negara ke perlawanan gusti lengan di Medan Selera, Wilayah Persekutuan Labuan.



Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Gusti Lengan Brunei

LABUAN, Isnin, 8 Julai. - The 1st Supermatch Borneo 2019 menampilkan perlawanan gusti lengan yang diadakan baru-baru ini di Medan Selera, Wilayah Persekutuan Labuan.

Negara Brunei Darussalam tampil sebagai naib juara keseluruhan dengan meraih sebanyak tiga pingat emas; empat pingat perak; dan dua pingat gangsa.

Pingat emas berjaya dipungut oleh Wong Wei Kwang @ Jensen; Muhammad Fadhullah bin Zamain dan Abraham Jr. Kerchaten Fenchae.

Pingat perak pula diraih oleh Azni Jasmin bin Haji Jaafar; Muhammad Fahmi bin Haji Manan; Md. Asmali bin Haji Ali Hasan; dan Mohammad Syahiran Aizat bin Suriyazan.

Bagi pingat gangsa diberikan kepada Mohamad Khairi Wazien bin Haji Mohamad Hairul Nizam dan Md. Mohkiabillah bin Md. Mohini.

Juara disandang oleh Sabah dengan mengumpul sebanyak enam pingat emas; dua pingat perak; dan satu pingat gangsa.

Sementara tempat ketiga diraih oleh tuan rumah, Labuan dengan mengutip sebanyak tiga perak dan enam gangsa.

Menyertai rombongan negara, Presiden Persatuan Gusti Lengan Brunei, Pengiran Haji Mohammad Yusren bin Pengiran Haji Mohd. Daud.

Lebih 100 peserta menyertai acara yang diadakan buat julung kalinya itu dan dianjurkan Labuan Arm Wrestling Association (L.A.W.A.).

SEBAHAGIAN aksi semasa perlawanan gusti lengan yang diadakan di Medan Selera, Wilayah Persekutuan Labuan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HORMATI, KIBARKAN BENDERA NEGARA, IDENTITI BANGSA

دتر بیتکن اوله جباتن قدر اغن، جباتن فردان منتري دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam